


Jilid I
Bil. 12



Hari Khamis
21hb November, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1033]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 [Ruangan 1049]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975 [Ruangan 1050]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 21hb November, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggarah).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Pedas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

- Yang Berhormat TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).

- Yang Berhormat TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S.
(Bandar Kuching).

- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Lubuk Sugut).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LEO MAGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

CUKAI PENDAPATAN—PERUBAHAN

1. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang mengkaji dan menyusun semula peraturan cukai pendapatan yang ada sekarang;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa jumlah pendapatan yang dikecualikan daripada cukai adalah sangat kecil terutama dalam masa Inflasi sekarang; dan
- (c) jumlah pungutan cukai pendapatan Negara bagi tahun taksiran 1973 dari:
 - (i) Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan; dan
 - (ii) lain-lain sumber selain daripada di atas.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak ada menyebut tujuan bagi pengkajian sistem cukai pendapatan yang dikehendakki itu, maka tidaklah dapat saya menjawab soalan ini dengan tepat. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat sedar bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengemukakan beberapa perubahan dalam struktur cukai pendapatan dalam Ucapan Belanjawannya pada 12hb November, 1974. Sistem cukai pendapatan akan terus dikaji dari masa ke semasa dengan mengambil pertimbangan ke atas kemajuan ekonomi, sosial dan politik dalam negeri dan membuat perubahan-perubahan, jika perlu.
- (b) Perkara berkaitan dengan pelepasan-pelepasan yang diberi kepada pembayar-pembayar cukai telahpun dibincangkan beberapa kali dalam Dewan ini. Kerajaan berpendapat bahawa pelepasan-pelepasan tersebut

tidaklah perlu dikaji pada masa ini oleh kerana beban cukai ke atas kumpulan-kumpulan yang berpendapatan kecil adalah ringan.

- (c) Jumlah pungutan cukai yang dikutip daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan bagi tahun taksiran 1973 ialah sebanyak \$53.9 juta dan daripada punca-punca lain \$784.1 juta.

KERETAPI TANAH MELAYU—HASIL

2. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menambah hasil Keretapi Tanah Melayu (selain daripada memberi perkhidmatan pengangkutan seperti sekarang) sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri tersebut baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedang giat mengkaji soal operasi dengan menghidupkan semula Jawatankuasa Khas Keretapi bagi meneliti beberapa aspek operasi dengan tujuan memperkemas cara-cara pentadbiran. Tujuan utama penelitian ini ialah semata-mata untuk menambatkan hasil keretapi dan memperbaiki perkhidmatan keretapi.

Dalam kajian ini penelitian juga dibuat di atas kemungkinan menggunakan tanah keretapi di mana yang boleh yang ada kaitan dengan operasi keretapi yang dapat menambahkan hasil perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu keseluruhannya. Pada ketika ini Keretapi Tanah Melayu sudahpun memulakan usaha bersama dengan badan seperti UDA (Urban Development Authority) untuk melaksanakan tujuan itu. Sebagai contohnya pihak Keretapi Tanah Melayu sedang menjalankan usaha bersama dengan UDA untuk mendirikan sebuah bangunan di Kuala Lumpur.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar, di antara sebab-sebab Keretapi Tanah Melayu tidak boleh menambahkan hasilnya ialah kerana kemudahan-kemudahan yang diberi oleh Keretapi tidak memuaskan hati. Umpamanya, adakah beliau sedar dalam suratkhbar *Straits Times* pada dua hari yang lalu ada

sepucc surat yang mengatakan Keretapi kita terlampau kotor. Jika beliau sedar, apakah tindakan Keretapi akan ambil supaya Keretapi di tanahair kita boleh dibersihkan?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah jawab tadi bahawa satu Jawatankuasa telahpun dihidupkan semula. Jawatankuasa ini akan mengkaji masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, dan sekarang keadaan coach dan lain-lain telah dibincangkan. Bagi hendak mendapatkan lapuran dan keputusan daripada Jawatankuasa ini apa yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dibincangkan dalam Jawatankuasa dan akan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sudahkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan membuat satu kajian yang tertentu berkenaan dengan menyerahkan perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak dikehendaki oleh Jabatan Keretapi, misalnya, Perkhidmatan Kuala Lumpur/Port Klang, Seremban/Port Dickson kepada pihak swasta yang boleh memberi perkhidmatan dengan cara disewa kepada Jabatan Keretapi.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain, tidak berbangkit dengan soalan asal.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa ada satu jawatankuasa telah mengkaji Keretapi Tanah Melayu kita yang diketuai oleh Encik Rama Iyer. Bolehkah beliau jelaskan bahawa semua cadangan-cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa tersebut telah dilaksanakan?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini baru dihidupkan semula sebab jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada tahun 1969 dahulu. Apakala jawatankuasa itu dihidupkan semula, kita belum bermesyuarat dan kita akan mengadakan mesyuarat dan akan bincangkan langkah-langkah untuk memperbaiki keseluruhannya Pentadbiran Keretapi, sepertimana yang saya nyatakan dalam jawapan yang asal.

Tuan Oh Keng Seng: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa keretapi selalu keluar landasan (derailed). Ini

adalah merosakkan imej Pentadbiran Keretapi. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan apakah tindakan atau cara-cara akan diambil untuk mengatasi perkara merosakkan imej keretapi?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak bersangkutan dengan soalan asal Yang Berhormat.

Tuan Oh Keng Seng: Ini, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: (*Kepada Tuan Oh Keng Seng*) Dengar saya dahulu! Ini tidak bersangkutan dengan soal asal yang sematamata bertanya apakah ikhtiar-ikhtiar yang akan dijalan atau pernah dijalankan berkenaan menambah hasil, tidak bersabit dengan derailment.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kalau imej kita rosak, hasil akan kurang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jemput duduk!

PENGANGKUTAN AWAM DI KUALA LUMPUR

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada Kerajaan bercadang membuat satu Kajian Khas mengenai Pengangkutan Awam di Kuala Lumpur untuk mengkaji apakah yang boleh dibuat bagi membaiki pengangkutan awam di Bandaraya itu;
- (b) samada akan diadakan satu kajian khas tentang sebab-sebab kesesakan lalu lintas di Bandaraya untuk mencari jalan yang baik untuk mengatasi masalah itu; dan
- (c) samada Kerajaan akan memperkenalkan satu Sistem Monorail di Bandaraya untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kajian khas mengenai masalah Pengangkutan Awam di Kuala Lumpur telah diberi keutamaan dalam Kajian

Urban Transportation or Metropolitan Kuala Lumpur yang telah dimulakan pada bulan Mac, 1973 dan disiapkan pada akhir tahun tersebut. Kajian ini telah memberi perakuan untuk memperbaiki perkhidmatan bas bagi orang ramai dari segi menambahkan lagi jumlah bas-bas tersebut, merancang jalan-jalan bas yang baru dan mengemaskin pentadbiran sistem ini pada keseluruhannya. Kerajaan sedang melaksanakan projek-projek hasil daripada kajian tersebut secara berperingkat-peringkat.

- (b) Sebab-sebab kesesakan lalulintas di Bandaraya telah juga dibincangkan dalam Kajian tersebut berserta dengan langkah-langkah untuk mengatasinya.
- (c) Penggunaan sistem monorail telah dikajikan tetapi didapati tidak sesuai di sini oleh kerana terdapat pertaburan tempat-tempat kediaman dan tempat-tempat kerja; ini tidak tertumpu kepada sesuatu tempat tetapi berselerak di seluruh kawasan. Dengan ini adalah didapati sistem menggunakan bas adalah lebih sesuai dan ekonomik pada masa ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan bahawa bas-bas di Kuala Lumpur akan ditambah. Adakah beliau sedar kekurangan perkhidmatan pengangkutan di Kuala Lumpur sentiasa di timbul atau dibangkitkan di dalam Dewan ini mahupun di luar Dewan ini, tetapi syarikat-syarikat bas mahupun Kerajaan sentiasa menyatakan: "Oh! kita akan mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini." Tetapi pada pendapat saya dan pada pendapat penumpang-penumpang yang menggunakan bas-bas tiap-tiap hari, makin lama makin bertambah masalah ini. Bolehkah Setiausaha Parlimen yang berkenaan menjelaskan bahawa bila kekurangan perkhidmatan pengangkutan di Kuala Lumpur akan diatasi?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian ini memang sedar atas masalah ini, tetapi oleh kerana masalah ini banyak berhubung dengan perkara-perkara yang lain dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi, adalah masalah yang rumit. Walau bagaimanapun, Kerajaan

akan mengambil tindakan dari satu peringkat ke satu peringkat atau daripada semasa ke semasa. Rasa saya sebahagian daripada jawapan yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan pada 7hb November, 1974.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar Syarikat Sri Jaya lebih kurang 20% daripada basnya tidak boleh digunakan oleh sebab rosak dan spare-parts tidak boleh didapati. Apakah tindakan Syarikat Sri Jaya atau Kerajaan akan ambil untuk membaiki bas-bas tersebut supaya kita boleh menambahkan bas untuk penumpang-penumpang di Kuala Lumpur?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, jawapan seperti ini juga telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan pada 7hb November, 1974.

MEMORANDUM PERSATUAN PELAJAR-PELAJAR HAIWAN MALAYSIA MAKTAB HAIWAN MADRAS

4. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada Kerajaan telah menerima satu memorandum daripada Persatuan Pelajar-pelajar Haiwan Malaysia Maktab Haiwan Madras, mengenai permintaan mereka menaikan taraf Maktab Haiwan Madras ke taraf sama dengan Institut-institusi Haiwan yang tertera dalam Bahagian Pertama, Akta Doktor Haiwan (Jadual Kedua, Seksi Dua), jika ya, apakah tindakan Kerajaan sedang ambil atas perkara ini; dan
- (b) memandangkan kepada kekurangan doktor-doktor Haiwan di Malaysia dan juga taraf Maktab Haiwan Madras yang tinggi diiktiraf dilapangan antarabangsa, bilakah Kerajaan bercadang menempatkan graduan-graduan Maktab Haiwan Madras pada Bahagian satu dari Bahagian Dua sekarang.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pelajaran telah menerima memorandum itu dan telah merujukkan perkara tersebut ke Jawatankuasa

Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan-kelayakan. Jawatankuasa ini sedang mengambil tindakan untuk memperolehi maklumat-maklumat lengkap untuk pertimbangannya.

- (b) Kerajaan akan menimbangkan perkara perubahan Bahagian II kepada Bahagian I selepas Jawatankuasa berkenaan mengambil keputusan tentang kelayakan itu.

LETRIK KE LUAR BANDAR— BEKALAN

5. Tuan Chia Heing Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada pembekalan letrik ke kawasan-kawasan luar bandar telah tergendala dengan teruknya di sebabkan kekurangan kebel dan pesawat letrik yang meruncing.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamad bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, kelewatan atau tergendalanya pembekalan letrik ke kawasan-kawasan luarbandar adalah disebabkan oleh beberapa perkara dan satu daripadanya ialah kekurangan barang-barang pembinaan termasuk kebel dan pesawat letrik. Ini bukanlah bermakna barang-barang yang tersebut tidak ada sama sekali, tetapi pembekalannya tidak mencukupi bagi semua projek dijalankan dengan serentak. Sebaik sahaja alat-alat atau bahan-bahan tersebut diterima; pihak L.L.N. (Lembaga Letrik Negara) terus menggunakan dan pembinaan dijalankan sepanjang mana barang-barang mencukupi.

BAHASA CHINA DI SEKOLAH- SEKOLAH—MUTU PENGAJARAN

6. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk mempertingkatkan mutu pengajaran Bahasa China di sekolah-sekolah negara ini memandangkan mutu yang rendah yang terdapat pada masa ini.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa mutu pengajaran Bahasa China di sekolah-sekolah adalah rendah pada masa ini.

Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu untuk menjamin dan memastikan ketinggian mutu Bahasa dan Pengajaran Bahasa China. Untuk maksud ini, langkah-langkah berikut adalah diambil:

- (a) Mata-pelajaran Bahasa China adalah dijadikan mata-pelajaran peperiksaan Penilaian Darjah III dan Darjah V. Peperiksaan Penilaian Darjah III akan mendedahkan kelemahan-kelemahan yang terdapat pada murid-murid dan berdasarkan kepada maklumat ini, mana-mana murid yang lemah akan diberi pelajaran imbuhan. Kesan daripada pelajaran imbuhan ini akan diuji di dalam Peperiksaan Penilaian V.
- (b) Kurikulum bagi pelajaran dan pengajaran Bahasa China di Maktab-maktab Perguruan telah disemak dan disusun semula untuk tujuan meninggikan lagi mutu Bahasa dan pengajaran Bahasa China.
- (c) Nazir-nazir Persekutuan sentiasa melawat ke sekolah-sekolah untuk mengkaji dan memberi nasihat di dalam hal berhubung dengan pelaksanaan pengajaran semua mata-pelajaran.

KEGELISAHAN PERINDASTRIAN (INDUSTRIAL UNREST)

7. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar tentang banyaknya kegelisahan perindustrian dalam negara ini dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi keadaan demikian, dan menolong pekerja-pekerja mendapat gaji yang berpatutan dan samada beliau bercadang meminda fasal-fasal yang anti-buruh di dalam Akta Perhubungan Perusahaan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, walaupun baharu-baharu ini terdapat beberapa ancaman tindakan perusahaan berkenaan dengan Lapuran Suruhanjaya Diraja mengenai Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan dalam Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, dan berhubung dengan tuntutan Elaun Bantuan Khas, saya tidak mensifatkan perkara itu

sebagai “banyaknya kegelisahan perusahaan” sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Menurut perbekalan Akta Perhubungan Perusahaan sekarang, para majikan dan pekerja adalah digalakkan menentukan sendiri kadar gaji dan syarat-syarat pekerjaan melalui rundingan bersama. Cara ini telah didapati berkesan dan boleh diterima oleh para majikan dan Kesatuan-kesatuan sekerja di negara ini.

Dalam Akta Perhubungan Perusahaan tidak ada fasal-fasal yang anti-buruh.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam seksyen-seksyen 9 (1), Seksyen-seksyen 37, 41, 42 Industrial Relations Act, 1967 inilah seksyen-seksyen anti-buruh, dan satu seksyen yang penting kepada pekerja-pekerja ialah jikalau ada pekerja-pekerja melanggar dalam satu seksyen, mereka tidak boleh dijamin oleh sesiapa pun. Ini satu seksyen anti-buruh.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Dari pihak kami seksi-seksi yang tersebut itu tidak sebagai anti-buruh. Bagi pihak kami juga Akta Perhubungan Perusahaan telah diterima oleh amnya daripada rakyat jelata dalam negeri ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menteri berkenaan mengatakan kegelisahan dalam perindustrian pada masa sekarang timbul oleh sebab beberapa pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun tidak berpuas hati tentang Lapuran Harun. Tetapi adakah beliau sedar ada sebahagian pekerja yang bukan pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun tidak puas hati oleh sebab mereka tidak dapat gaji yang sewajarnya dalam zaman inflasi. Adakah beliau sedar apabila pekerja-pekerja ini berhubung dengan majikan, maka mereka kena dibuang kerja. Kalau beliau sedar, apa tindakan Kementeriannya akan ambil supaya pekerja-pekerja yang mohon kenaikan gajinya tidak boleh dibuang kerja?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, kesusahan dan pertikaian memang berlaku daripada masa ke semasa dalam lapangan Perhubungan Perusahaan dan juga

bahawa susunan yang telah diadakan sekarang ada jenteranya untuk menyelesaikan dan mengatasi apa-apa pertikaian yang ada.

Tuan Oh Keng Seng: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengkaji Undang-undang dalam Industrial Relations Act yang mana saya katakan tadi banyak seksyen-seksyen yang anti-buruh?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sanggup. Saya tidak setuju Akta itu anti-buruh. Kerajaan memang mengkaji undang-undang yang ada daripada masa ke semasa bergantung atas keadaan yang ada.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada pekerja-pekerja di United Engineers, mereka telah mohon kenaikan gaji daripada majikannya dan ada menyampaikan salinan surat itu kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Adakah beliau sedar baharu-baharu ini ada 5-6 pekerja di United Engineers itu telah dibuang kerja, dan apabila saya suruh mereka pergi berhubung dengan Industrial Relations Office di Kuala Lumpur, mereka dinasihatkan terima wang atau gaji seminggu, Kerajaan tidak boleh mengambil apa-apa tindakan untuk menolong anda. Itu jawab pegawai daripada Industrial Relations Office di Selangor.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis untuk menjawab soalan itu. Jikalau ada perkara yang dilaporkan kepada Kementerian jentera yang ada mesti telah jalan terus.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, jikalau seorang melanggar Akta Hasutan beliau boleh dijamin, tetapi jikalau seorang pekerja melanggar Seksyen 47, Akta Perhubungan Perusahaan beliau tidak boleh dijamin, ini satu seksyen tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkutan dengan soalan asal.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan menjamin atau mengambil perhatian apabila saya menyampaikan kepada beliau semua butir-butir tentang pekerja-pekerja di United Engineers yang baharu-baharu ini dibuang kerja?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, apabila sampai butir-butir itu, saya suka memberi jaminan siasatan akan dijalankan.

PEMOGOKAN

8. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberikan bilangan pemogokan yang berlaku di negara ini sejak lima tahun yang lalu mengikut tahun.

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua,

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Pemogokan</i>
1969	49
1970	17
1971	45
1972	66
1973	66
1974 (hingga 30-9-74) ...	68

COL. REDZUAN SAHERAN (T.L.D.M.)—BERSARA SUKARELA

9. Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabudin minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar bahawa Col. Redzuan Saheran dari T.L.D.M. telah diberikan surat pemberhentian kerja dan kemudiannya ditarik balik dalam tahun ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah tidak benar. Pemangku Lt. Col. (Laut) Redzuan sendiri yang telah mencapai umur 45 tahun dalam bulan Februari 1975, iaitu umur pilihan bersara bagi pegawai-pegawai yang berpangkat Mejar sebenar. Tetapi permohonan itu telah tidak diluluskan oleh Majlis Angkatan Tentera oleh kerana kes beliau di Mahkamah masih belum selesai pada masa itu.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Shahabudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa baru-baru ini pegawai tersebut telah diarahkan atau dinasihatkan supaya meletakkan jawatannya?

Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya tidak sedar. Sebagaimana yang saya katakan tadi, apa-apa soalan yang mengenai dengan perkara ini adalah satu perkara yang tidak benar. Insya Allah apabila saya balik nanti, saya akan menyiasat apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

TOPI KELEDAR BAGI PENONGGANG MOTOSIKAL

10. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan:

- (a) memandangkan banyak kemalangan penonggang motosikal adalah terdiri dari penonggang-penonggang yang tidak menggunakan topi keledar, adakah Kerajaan bercadang hendak menguatkuasakan undang-undang berkenaan. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya;
- (b) adakah Kementerian ini sedar bahawa dengan tidak adanya penguatkuasaan undang-undang ini maka banyak industri-industri pembuat topi keledar mungkin menutup industrinya; dan
- (c) apakah tindakan Kerajaan ke atas topi-topi keledar yang diimpot yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan oleh Instituit Piawaiian Malaysia.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini Kerajaan masih lagi belum bercadang hendak menetapkan tarikh penguatkuasaan yang mewajibkan pemakaian topi keledar oleh penunggang dan penumpang motosikal. Kerajaan ingin memberi masa yang lebih panjang lagi supaya orang ramai khususnya penunggang-penunggang dan penumpang motosikal faham betul-betul akan kegunaan dan faedah pemakaian topi keledar. Dalam hal ini, Majlis Keselamatan Jalanraya di Kementerian saya sentiasa menjalankan berbagai-bagai usaha untuk menggalakkan penunggang-penunggang dan penumpang-penumpang motosikal supaya memakai topi keledar untuk keselamatan diri mereka sewaktu menunggang.

(b) Ya, Kerajaan sedar. Seperti mana yang saya telah terangkan tadi, Kerajaan senantiasa berusaha supaya penunggang dan penumpang motosikal membeli dan memakai topi keledar. Hasil daripada kempen-kempen keselamatan jalanraya yang telah diadakan itu jumlah penunggang-penunggang dan penumpang-penumpang motosikal yang telah membeli dan memakai topi keledar telah bertambah, dan adalah diharapkan supaya lebih ramai lagi daripada mereka yang akan membeli dan memakai topi keledar bukan sahaja untuk menjaga keselamatan mereka tetapi juga supaya dapat menolong pengeluar-pengeluar topi melakukan jualannya.

(c) Topi keledar yang diimpot akan diuji terlebih dahulu oleh Pusat Piawaian Malaysia (S.I.M.). Jika topi-topi tersebut didapati tidak mengikut taraf yang dikehendaki oleh S.I.M., ianya akan tidak mendapat kelulusan untuk menggunakan tanda lambang S.I.M. (Dalam hal ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menghadkan impot topi-topi keledar kepada yang mematuhi Piawaian Malaysia sahaja).

Di dalam peraturan-peraturan mengenai topi keledar ada terdapat larangan bagi menjual, menawar untuk menjual ataupun membekal topi-topi keledar yang tidak mengikut taraf Pusat Piawaian Malaysia (S.I.M.) Taraf ini dibuat dengan tujuan supaya topi-topi itu dapat memberikan perlindungan yang maksima kepada kepala seseorang penunggang dan penumpang motosikal itu semasa kemalangan. Dengan itu orang ramai telahpun diberitahu dan digalakkan supaya membeli dan memakai topi keledar yang bertanda lambang S.I.M. sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa penunggang-penunggang dan penumpang-penumpang motosikal telah diberitahu, kalau tidak salah saya lebih daripada satu tahun sebelum Kerajaan menguatkuasakan undang-undang ini. Masa yang diberikan itu sudah mencukupi supaya pada masa ini boleh dikuatkuasakan undang-undang itu. Ataupun kiranya tidak mencukupi bolehkah Timbalan Menteri yang

berkenaan menjelaskan, berapa lama lagi masanya yang perlu sebelum Kerajaan atau Kementeriannya menguatkuasakan undang-undang tersebut?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, inilah satu masalah bagi menguatkuasaan undang-undang ini. Setahu saya, masalah ini bukan sahaja timbul daripada kekurangan topi-topi keledar itu, tetapi juga seperti yang saya cuba nyatakan tadi, iaitu masalah rakyat kita yang belum faham secara mendalam, mustahaknya memakai topi keledar demi untuk keselamatan mereka sendiri. Jadi sekiranya undang-undang yang berkenaan dikuatkuasakan dengan terburu-buru sebelum penunggang-penunggang kita faham secara mendalam, implikasi-implikasinya mungkin akan menyusahkan pihak Polis dan Mahkamah kita, kerana tangkapan dan pembicaraan beramai-ramai yang terpaksa dijalankan nanti, lebih-lebih lagi tindakan itu akan menimbulkan reaksi yang tidak diinginkan yang tentu akan dibawa ke Dewan ini juga pada masa yang akan datang.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya mendengar tadi, Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan antara masaalahnya, ialah kekurangan topi keledar. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar, pada masa sekarang bukan masaalah kekurangan pengeluaran topi keledar tetapi kebanyakan pengeluaran-pengeluar tidak boleh menjualnya. Dan kalau Kerajaan tidak mengambil tindakan, maka pengeluaran-pengeluar topi keledar itu barangkali boleh jadi bengkrap seperti yang disebutkan dalam soalan ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi bukan satu sahaja sebabnya, tetapi ada banyak sebab dan kalau topi keledar itu hendak dijual, mestilah dicap dengan lambang S.I.M. mengikut taraf Pusat Piawaian Malaysia maka baru dijual.

KEKURANGAN PERKHIDMATAN KENDERAAN AWAM DI BESUT

11. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa Daerah Besut sekarang ini menghadapi masalah kekurangan perkhidmatan

kenderaan awam sehingga kadang-kadang pengguna-pengguna terpaksa menunggu di tepi jalan selama lima enam jam sebelum dapat menaiki sebarang kenderaan; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini; dan

- (b) samada Kerajaan bercadang hendak membenarkan bas-bas sekolah membawa penumpang-penumpang dan memperbanyakkan lesen kereta sewa untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya tidak berani mengatakan bahawa benar Daerah Besut sekarang ini menghadapi kekurangan perkhidmatan kenderaan awam, sepertimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu. Setakat yang saya ketahui Kementerian ini sehingga hari ini tiada menerima apa-apa aduan samada daripada orang ramai ataupun daripada syarikat-syarikat kenderaan awam terhadap kekurangan perkhidmatan bas ataupun kereta sewa di Daerah itu.
- (b) Setakat ini Kerajaan tidak bercadang hendak membenarkan bas-bas sekolah membawa penumpang-penumpang dewasa. Kerajaan juga masih belum menerima syor-syor dari pihak berkuasa berkenaan di Negeri Trengganu bagi menambahkan bilangan lesen-lesen teksi di negeri itu.

RUMAH ORANG-ORANG TUA

12. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada beliau sedar tentang hakikat bahawa sebilangan besar rumah-rumah orang-orang tua dalam negara kita adalah terlalu sesak, kurang lengkap dan penghuni-penghuninya tidak dipedulikan dan dilayani oleh pembantu-pembantu sepenuh masa serta juga penghuni-penghuni di situ tidak mempunyai tempat tersendiri dan mereka memasak, membasuh kain dan mencuci dengan sendiri; jika ya, nyatakan langkah-langkah Kementerian beliau akan memperkenalkan untuk memperbaiki keadaan dan memperluaskan rumah-rumah tersebut dengan berkesan.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Hajj): Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kebajikan Am sedar bahawa setengah-setengah daripada rumah-rumah orang-orang tua adalah rendah mutunya. Rumah-rumah ini dikendalikan oleh Majlis Pusat Kebajikan iaitu sebuah pertubuhan sukarela, dan oleh itu haruslah diingat bahawa tinggi-rendah mutu penguasaan rumah-rumah ini adalah lebih banyak bergantung kepada kedudukan kewangan Majlis tersebut. Namun demikian, saya telahpun mengambil tindakan untuk meninggikan mutu-mutu rumah ini. Dalam rancangan jangka panjang rumah-rumah ini akan digantikan dengan rumah-rumah yang lebih besar di peringkat-peringkat daerah dan peringkat-peringkat kawasan. Tiap-tiap rumah tersebut dijangka akan dapat menyediakan tempat tinggal untuk seramai 50 sehingga 200 orang penghuni. Rancangan ini akan dilaksanakan oleh Majlis Pusat Kebajikan dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan. Majlis Pusat Kebajikan telahpun menyediakan rancangan-rancangan untuk membina rumah-rumah seperti ini di Johor, Melaka, Pahang, Perak dan di Pulau Pinang. Pada hakikatnya, tanah untuk maksud ini telahpun diperolehi oleh Majlis itu di Melaka, Pahang, Perak dan Johor dan pada masa itu 2 buah rumah di Melaka, 2 buah rumah di Negri Sembilan, sebuah di Perlis, sebuah di Pahang telahpun diperbaiki dan mutu rumah-rumah ini telahpun bertambah baik. Rancangan untuk memperbaiki dan memperelokkan sebanyak 24 rumah lagi sedang diuruskan.

GERAN TANAH KAMPUNG BARU

13. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau sedar bahawa geran tanah beribu-ribu penduduk-penduduk kampung baru ditarik balik oleh Kerajaan kalau mereka tidak sanggup menjelaskan taksirannya dalam tempoh 3 bulan atau 6 bulan selepas diberi notis oleh pihak yang berkuasa apabila mereka menukar geran sewaan 30 tahun kepada geran sewaan 60 tahun, dan nyatakan bagaimana beliau akan mengatasi masalah ini.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, setakat

ini tidak ada apa-apa aduan ataupun rayuan yang telah diterima yang mengatakan geran-geran, telah ditarik balik oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, mengikut Peraturan Tanah Negeri-negeri apabila pemberian milik tanah diluluskan kepada sesuatu Pejabat Tanah akan mengeluarkan notis menuntut bayarannya dalam masa 3 bulan dan jika ada sebab-sebab yang menasabah Pemungut Hasil Tanah ada mempunyai kuasa bagi melanjutkan tempoh itu sehingga 6 bulan. Jika tidak disempurnakan juga bayarannya kelulusan yang diberikan itu akan menjadi terbatal mengikut Peraturan Seksyen 81 yang terkandung di dalam Kanun Tanah Negara. Untuk mengatasi kedudukan ini pihak yang berkenaan bolehlah mengemukakan rayuan-rayuan kepada pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan samada hendak melanjutkan kelulusan itu ataupun memberi kelulusan baru apabila mereka mampu menyempurnakan bayaran-bayaran baru.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab ramai penduduk-penduduk di kampung baru apabila mereka menukar geran mereka kena bayar \$600-\$800 kadang-kadang sehingga \$1,000 lebih, bolehkah mereka membayar dengan cara ansuran?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, apabila dikehendaki menukar geran baru itu bermakna bahawa pajakan tanah atau lease bagi tanah itu sudah tamat dan apabila tamat mereka terpaksa mengenakan bayaran-bayaran baru mengikut Peraturan Tanah. Adapun soal hendak meminta bayaran dengan cara beransur itu, ini boleh diuruskan dengan membuat rayuan kepada pihak Kerajaan Negeri.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb November, 1974).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut". (20hb November, 1974.)

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Dungun menyambung ucapan beliau.

Perbahasan disambung semula.

3.15 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya semalam bersabit dengan perbahasan di atas Anggaran Perbekalan Tahun 1975 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Saya ingin menyatakan bahawa walaupun seperti yang telah saya katakan pada semalam tentang kedudukan orang-orang yang tidak berada di negeri ini bersetuju dan menyokong di atas langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan, tetapi sebagaimana yang biasa berlaku di dalam dunia ini tidak ada suatu yang sempurna dan tidak ada suatu yang tidak boleh dikritik dan tidak boleh diberi pandangan. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah Kerajaan pada hari ini sedar cara memberi kritikan dan memberi pandangan terhadap apa yang dibuat oleh Kerajaan dan terhadap apa yang dilakukan oleh Kerajaan

dari satu masa ke satu masa adalah perlu. Dengan sebab itu, sistem demokrasi telah dijalankan oleh Kerajaan hari ini yang sangat dibimbangkan oleh setengah pihak Pembangkang bahawa sistem ini akan ditukar.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang telah kita tahu bahawa Budget yang dikemukakan hari ini adalah Budget yang merupakan penentangan terhadap kesan-kesan inflasi yang akan dirasakan oleh rakyat di negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, tidak dapatlah dinafikan bahawa inflasi memang dirasakan oleh rakyat. Oleh sebab negeri kita adalah terdedah kepada keadaan kedudukan ekonomi di negara lain di mana kalau di negara lain mendapat kejayaan dalam bidang perusahaan, mendapat kejayaan dan kemewahan dalam bidang ekonomi, maka negara kita juga akan berada sedemikian itu. Sebagaimana pada tahun-tahun yang lalu yang mana negeri-negeri asing berada dalam keadaan baik, maka kedudukan negara kita pun demikian, harga getah melambung tinggi, harga kelapa sawit melambung tinggi, harga balak melambung tinggi, harga bijih melambung tinggi dan sebagainya, tetapi oleh sebab keadaan mereka di sana sekarang menurun, maka kita pun berada sedemikian juga.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab negeri kita ini negeri yang baru menuju ke arah pembangunan, maka kesannya itu memang cepat dirasakan oleh rakyat. Tambahan pula ada orang-orang yang mengambil kesempatan di atas kesan-kesan ini dengan mengapi-apikan rakyat, perasaan tidak puas hati di atas pemerintahan dan pentadbiran yang berjalan di negara ini. Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, tentang keadaan-keadaan yang berlaku di negara kita ialah penutupan beberapa perusahaan-perusahaan membalak, pengurangan beberapa pengusaha-pengusaha sawmill, plywood dan sebagainya di mana melibatkan beribu-ribu orang pekerja telah diberhentikan kerja ataupun dikurangkan kerjanya pada setiap minggu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana di tempat saya iaitu di negeri Trengganu, sekarang ini beberapa buah pengusaha-pengusaha kilang papan telahpun mengurangkan kerjanya dan memberhentikan pekerja-pekerjanya dan di negeri kami hanya ada satu kilang plywood dan kilang yang

satu itu pun telah memberhentikan pekerja-pekerjanya di mana hampir 1,000 pekerja telah diberhentikan. Dan, bolehlah dikatakan sekarang lebih kurang 6,000 pekerja yang berkaitan dengan kayu di negeri Trengganu adalah berada dalam keadaan bimbang bersabit dengan keadaan inflasi ini di mana pengusaha-pengusaha itu telah cuba menutup sedikit demi sedikit perusahaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, masalah besar kepada kita ialah bekas-bekas pekerja ini kebanyakannya orang yang kurang berada. Pada masa mereka bekerja mereka mendapat gaji antara \$3 sehingga \$10 dan untuk mengadakan simpanan-simpanan sudah tentu tidak dapat. Apakala mereka diberhentikan maka cukup sulit untuk menjalankan kehidupan baru dengan sebab mereka terpaksa mengalihkan pencarian hidup mereka kepada perkara lain. Ini saya anggap satu beban yang perlu kita pikul dan perlu kita jalankan dengan secara bersungguh-sungguh kerana masalah pengangguran-pengangguran ini memang sulit. Boleh dikatakan penganggur-penganggur yang baru ini lebih sulit daripada penganggur-penganggur yang lama kerana penganggur-penganggur yang lama kadangkang mereka sudah biasa dengan keadaan tidak ada duit itu. Jadi bawa wang sedikit pun tidak mengapa. Kalau penganggur yang baru yang biasa dapat \$10 sehari tetapi kalaulah langsung tidak ada duit, hilang pedoman tidak ada apa pun yang hendak dikatakan, yang perlu hanya dapat duit sahaja. Kalau orang-orang yang menganggur ini pergi menoreh getah pun sulit juga.

Saya rasa, pergi menoreh getah pun keadaannya hampir serupa juga dengan penganggur kerana kedudukan penoreh-penoreh getah sedang mendapat pendapatan yang terlampau sedikit. Bolehlah saya katakan mereka mendapat lebih kurang dalam \$70 ataupun \$60 sebulan kerana harga getah yang dijual oleh mereka di kampung tidak lebih daripada \$35 sahaja satu pikul. Walaupun sekarang ada beberapa badan-badan yang berkaitan dengan getah ini yang ditubuhkan oleh Kerajaan, tetapi kedudukan pekebun-pekebun kecil di luar bandar dan di kampung masih berada di takuk lama juga. Mereka dapat mengadakan getah, mereka boleh mengeluarkan getah, tetapi mereka terpaksa menjual kepada orang tengah dengan harga yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya tidak boleh hendak mengatakan apa-apa, sebab saya memang mendapat tahu pihak RISDA ataupun pihak yang berkait dengan pekebun-pekebun kecil ini ada menjalankan usaha-usahanya, tetapi saya nampak usaha-usaha itu tidak begitu mendapat puas hati di kalangan pekebun-pekebun kecil, walaupun RISDA telah memberikan tanaman baru kepada pekebun-pekebun kecil, tetapi hasilnya masih di takuk lama, kerana setengahnya itu benih yang dibekalkan kepada pekebun-pekebun kecil dahulu adalah jenis yang kurang bermutu dan sekarang dibekalkan dengan anak-anak jenis yang dikahwinkan oleh pihak RISDA dan diberi kepada pekebun-pekebun kecil. Tetapi saya dapati kejayaan hidup anak-anak getah itu adalah kurang memuaskan. Jadi saya rasa untuk orang-orang yang menganggur ini pergi menjalankan kerja menoreh getah sudah tentu tidak begitu mendapat kejayaan yang memuaskan. Dalam perkara ini, saya mengambil kesempatan untuk mengemukakan beberapa pandangan bagi mengatasi masalah kesan inflasi di negara kita ini.

Pertama, saya syorkan lebih banyak lagi ladang-ladang awam dibuka di negara kita, sebab sekarang ini saya dapat tahu masih kurang benar dibuka ladang-ladang awam. Hanya saya dapati ladang-ladang awam ini mula dibuka di Negeri Trengganu di mana saya pada masa itu menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan mengeluarkan buah fikiran dan cadangan berkait dengan pembukaan ladang awam ini serta mendapat sambutan dari pihak Kerajaan Negeri dan dapat memberi pekerjaan kepada orang-orang yang mencari pekerjaan. Sekarang kita hanya dapati lebih kurang 50,000 ekar di Trengganu, Kelantan dan Kedah yang melibatkan lebih kurang 6,500 pekerjaan diadakan berhubung dengan adanya ladang awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan supaya lebih banyak lagi ladang awam ini dibuka dan pihak Kerajaan Pusat hendaklah menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri membuka ladang-ladang awam kerana tujuan utama kita ialah memberi pekerjaan kepada orang yang tidak ada kerja. Sekarang makin ramai orang yang tidak ada kerja. Saya rasa kalaulah keadaannya begini maka pada masa akan datang akan lebih ramai lagi orang-orang yang tidak ada kerja di mana pula orang ini hendak kita letakkan. Hendak dibiarkan

begitu, tidak boleh, melainkan kita ambil orang-orang ini dan diletakkan di satu tempat. Antara tempat yang saya katakan itu ialah ladang awam.

Sepatutnya pihak Lembaga Tabung Haji pergi membuka tanah dengan seluas-luasnya di negeri-negeri yang masih banyak tanah. Saya beri contoh misalnya di Negeri Trengganu di bawah Rancangan Trengganu Tengah masih banyak lagi tanah yang belum dibuka. Penanaman modal luar negeri memang payah datang ke Negeri Trengganu kerana masalah-masalahnya banyak. Sebaik-baik Lembaga Tabung Haji pergi mengambil tanah di sana, buka berpuluh ribu ekar ladang dan dapatlah orang ramai bekerja di sana dan pihak Lembaga itu akan dapat keuntungan di masa yang akan datang. Demikian juga FIMA. FIMA sepatutnya pergi membuka ladang. Misalnya kita tahu bahawa di negara kita ini banyak tanah yang sesuai untuk ditanam dengan buah-buahan. Yang perlu ialah badan seperti ini pergi membuka ladang, dan diproses untuk menjadi makanan dan dijual kepada tempatan ataupun jika boleh diekspot keluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa cadangan ini kerana saya mendapat tahu bahawa badan ini ada menjalankan gerakan yang sedikit, tetapi saya berharap supaya dibanyakkan lagi memandangkan kepada keadaan di negara kita. Demikian juga RISDA mesti bergerak lebih pantas lagi daripada keadaan yang ada dalam bidang pembukaan-pembukaan tanah. Jadi apa yang perlu ialah kerjasama antara badan-badan ini dan juga dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Perkara yang kedua yang saya ingin kemukakan ialah banyakkan lagi pembukaan tanah yang menerima peserta-peserta seperti FELDA. Sekarang ini kita dapat tahu bahawa FELDA telah menjalankan kejayaan yang baik di mana lebihkurang 200,000 orang telah ditempatkan di 159 buah rancangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu ada rancangan hendak dibuka lebih luas lagi pada masa yang akan datang, tetapi saya lihat dengan permohonan-permohonan yang dibuat oleh rakyat untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA yang begitu banyak tidak akan mencukupi. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir lebih baik

di masa yang akan datang, biarlah FELDA akan menjadi satu tenaga gergasi dalam bidang pembukaan tanah, sebab ia telah menunjukkan kejayaan yang baik. Kita mesti banyakkkan lagi peruntukan wang, berikan wang lagi dan jika tenaga tak cukup, kita tambahkan lagi tenaga bagi kepentingan rancangan yang tersebut. Sempena dengan ini saya syorkan kepada pihak FELDA bukan sahaja membuka tanah itu, bahkan mencari jalan baru iaitu hasil-hasil daripada tanaman yang dipunyai oleh FELDA ini diproses di negara ini juga, jika perlu, dengan mengadakan perkongsian atau joint-venture dengan penguasa-penguasa luar negeri yang ada kecenderungan dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ingin saya syorkan ialah adakan punca-punca baru dalam bidang pertanian seperti kacang soya dan sebagainya. Sebagaimana kita tahu dahulu di negara kita ini tak tahu cerita tembakau, apakala disebut tembakau misti diimpot daripada luar negeri. Tetapi sekarang ini hasil kerjasama yang dijalankan oleh pihak sebuah syarikat, kalau tak silap saya, Syarikat Malayan Tobacco Company dengan memberikan sumbangan ataupun memberi asuhan di Kelantan, menggalakkan rakyat, kaum tani di sana menanam tembakau dan akhirnya tanaman itu meluas di negeri Kelantan dan kemudian di Trengganu. Sekarang ini ditambah pula dengan adanya Lembaga Tembakau Negara yang memainkan peranan penting dalam memajukan perusahaannya tembakau, maka bidang pencarian kaum tani telah bertambah. Dahulu hanya bertanam padi sahaja, sekarang ada pula tanaman tembakau dan pendapatan mereka saya rasa lebih lumayan sekarang ini berbanding di masa-masa yang lalu. Sempena dengan ini, saya lihat sekarang ini kita masih banyak impot tembakau. Hasil impot kita dapati \$118 juta berbanding dengan cukai eksais tembakau di tempatan kita terlampau sedikit hanya \$32 juta sahaja. Saya rasa sepatutnya kita ini berusaha menanam sendiri dan tak payah lagi kita impot tembakau, kita luaskan tanaman tembakau, sehingga kita boleh ekspot tembakau kita. Kalau di negara kita ini sesuai dengan tanaman tembakau, maka apakah perlunya kita impot, sedangkan tembakau kita ini diakui tembakau yang baik mutunya dan mendapat sanjungan daripada dalam ataupun luar negeri. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya syorkan supaya tidak perlu kita impot tembakau lagi.

Berkenaan dengan syor saya hendak mengadakan satu punca tanaman baru dalam bidang lain pula iaitu seperti kacang soya. Setahu saya kacang soya ini sesuai dijadikan makanan, minuman dan sebagainya. Tetapi malangnya, sekarang ini tanamannya terlampau sedikit, tidak begitu meluas. Saya tahu ada pihak Jabatan Pertanian menggalakkan petani bertanam kacang soya dengan memberikan sedikit pertolongan dan bantuan seperti baja, nasihat dan sebagainya, tetapi hanya disuruh tanam setengah ekar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya rasa persoalan sesuai atau tidak, tidak timbul lagi, kerana kita sudah tahu pihak Jabatan Pertanian telahpun mengadakan kajian, mengadakan penyiasatan dan didapati kacang soya itu adalah sesuai untuk tanaman di negara kita. Masalahnya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang cara penggalakkan itu perlu dibuat. Saya rasa pihak Kementerian Pertanian hendaklah mengadakan kerjasama yang sungguh-sungguh dengan pihak pengusaha-pengusaha makanan, samada makanan manusia atau makanan binatang supaya usaha meluaskan tanaman kacang soya itu dipergiatkan. Peruntukan hendaklah diberi bagi menjayakan rancangan ini. Saya rasa pihak Perbendaharaan memang tidak keberatan dalam hal ini, kerana ini adalah satu cara untuk meluaskan punca pencarian kehidupan rakyat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pembukaan tanah-tanah sawah padi hendaklah dikendalikan oleh pihak Kerajaan. Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan tak suka membuka tanaman kecil dengan besar-besaran. Pihak Kerajaan menggalakkan rakyat bertanam, misalnya, tanaman padi, Kerajaan suruh rakyat bertanam padi, bertanam jagong, seko dan sebagainya. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, di tempat yang memang rakyat di situ kerjanya sejak turun-temurun bertanam padi memang tak menjadi masalah, kerana tak boleh mengelak lagi, memang keadaan mereka begitu mesti bertanam padi ataupun bertanam dengan tanaman yang saya katakan tadi. Tetapi kalau di tempat-tempat yang baru hendak dibuka dengan cara itu, saya fikir tidak boleh berjaya, kerana untuk membuka atau meneroka tanah baru dalam bidang persawahan, samada padi, seko dan sebagainya

terlalu banyak masalah. Kalau di negeri-negeri lain, saya dapat tahu mereka membuka tanah untuk tanaman itu dengan usaha Kerajaan secara besar-besaran. Saya tidak tahu kenapa di negara kita tidak boleh dibuat dan saya tidak fikir pakar-pakar yang ada dalam negara kita ini tidak boleh mencari jalan bagaimana cara Kerajaan boleh mengadakan ladang padi, boleh mengadakan ladang jagung, boleh mengadakan ladang sekoi dan sebagainya. Saya rasa tentu boleh. Sebab ada ahli-ahli atau pakar-pakar pertanian dalam negara kita ini yang tidak kurang kepandaian dan keupayaan mereka tak boleh diragukan lagi, cuma bergantung kepada dasar Kerajaan samada Kerajaan mahu menjalankan cara itu atau tidak. Saya yakin, kalau pihak Kerajaan memanggil dan berbincang dengan pihak pakar-pakar pertanian kita sudah tentu mereka akan dapat memberikan nasihat yang berguna dalam hal ini. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kejayaan akan diperolehi dan didapati pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya syorkan supaya dibanyakkan penggunaan tenaga buruh dengan mengeneipkan sedikit penggunaan oleh keadaan inflasi dan ramai yang menganggur sekarang. Kalau kita hendak mengadakan perusahaan baru, maka biarlah dibanyakkan menggunakan tenaga buruh sebab buruh di negeri kita ini tidak mahu sangat. Biasanya buruh biasa \$3.50, \$4 sehari berbanding dengan mesin-mesin yang kita beli daripada luar negeri.

Saya dapat tahu, kalau perbadanan-perbadanan Kerajaan mengadakan perkongsian dengan pihak syarikat luar negeri selalunya syarikat luar negeri ini mengesyorkan supaya membeli mesin daripada negeri-negeri itu. Misalnya mengadakan perusahaan kayu-kayan hendaklah beli mesin daripada negeri itu. Beli itu dan beli ini, akhirnya mesinnya banyak, dan kita terpaksa membayar harga yang banyak, jadi tidak ada keuntungan dalam perniagaan. Akhirnya syarikat yang kita adakan perkongsian dengan syarikat luar negeri itu rugi sedangkan mesinnya banyak. Mereka sudah balik, tetapi mesin ada di tempat kita. Apa hendak buat dengan mesin ini, hanya menjadi besi buruk. Ini apa yang kita lihat berlaku pada setengah-setengah tempat misalnya di Jengka Tigasegi dan sebagainya.

Perkara seperti ini janganlah kita galakkan sangat bahkan hendaklah kita gunakan tenaga-tenaga buruh yang ada dalam negara kita ini yang sekarang ini banyak di merata tempat. Hatta, ada orang kita yang terpaksa pergi ke tempat lain, misalnya pergi ke Singapura, ke Pulau Christmas untuk mencari kerja sedangkan kerja di tempat kita banyak, barang tempat kita ada, kenapa mereka pergi ke tempat lain? Saya rasa ini tak begitu sesuai. Apa yang perlu kepada kita ialah mengadakan peluang-peluang yang banyak bagi penggunaan tenaga-tenaga buruh yang ada itu.

Kita hendaklah mengkaji kedudukan 300,000 orang lebih kurang bukan warganegara di negeri ini, kerana di negeri kita ini memang ramai orang yang bukan warganegara bekerja. Malaysia baik, banyak orang bukan warganegara bekerja, tetapi kalau setakat bekerja tak apa, tetapi adanya orang yang bukan warganegara ini menjadi satu penyakit pula kepada negeri kita khususnya orang-orang yang suka menimbulkan issue ini menjadi satu modal politik, membawa hal itu ke Dewan dan bercakap di luar Dewan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita hendaklah fikirkan benar-benar atas perkara ini, kerana kita tak mahulah kata orang: "Kera di hutan disusukan, anak di rumah kita tinggalkan". Hal ini pun menambahkan bebanan kepada kita dengan ditimbulkan issue ini dari satu masa ke masa tentang hal itu oleh pihak yang menentang Kerajaan kita. Saya rasa perkara ini harus diambil perhatian, dengan sebab kalau kita terlampau bertolak ansur pun tak jadi juga, bahkan kadang-kadang mestilah kita menjalankan sedikit sebanyak pandangan yang lebih bersungguh-sungguh dalam perkara yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan orang-orang yang bukan warganegara ini bekerja di tempat-tempat yang lumayan, kerja-kerja yang sedap, memegang peranan-peranan yang penting dalam syarikat-syarikat dan sebagainya sedangkan tempat itu boleh dipegang oleh warganegara kita. Kita tidak kurang dalam hal yang tersebut, kecuali dalam bidang-bidang yang tertentu yang terpaksa kita mencari expert daripada luar negeri, kepada Kerajaan sendiri tidak apalah, tetapi kalau hanya untuk perkara-perkara biasa, maka sudah tentu tak perlu kita mengaitkan ataupun kita mengambil orang-orang lain

memberi pekerjaan kepada mereka di negara kita ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, perkara mengadakan rancangan-rancangan untuk kaum nelayan yang tinggal di tanah beres di tepi pantai. Saya ingin menyatakan kepada Dewan ini bahawa kedudukan kaum nelayan memang sentiasa sulit, tak boleh siapa menafikan lagi, semua orang tahu bahawa kaum nelayan di negeri kita ini pendapatannya adalah rendah, kecuali beberapa orang yang mempunyai motor, mempunyai pukut dan sebagainya yang menjadi taukeh dalam bidang tersebut. Yang menjadi masalah kepada kita ialah di Negeri Trengganu ataupun Negeri-negeri sebelah Pantai Timur kebanyakan mereka adalah tinggal di tepi-tepi pantai. Tanah yang mereka duduki ialah tanah beres, tanah yang tak boleh ditanam melainkan dengan pokok kelapa dan pokok jambu gajus. Saya memberi contoh di Negeri Trengganu ada lebih kurang 12,000 kaum nelayan dan lebih kurang 167,000 ekar tanah beres yang didiami oleh mereka. Kawasan saya sendiri pun begitu keadaannya. Saya tak tahu apa yang hendak dicadangkan, hendak suruh dia tanam padi pun tak jadi, hendak suruh dia tanam apa pun tak jadi. Kalau tanam dengan kelapa pun yang baik berbuahnya ialah lebih kurang dalam 10 batang di sekeliling rumah. Saya rasa perkara ini mesti diambil perhatian.

Ada rancangan Kerajaan menggalakkan kaum nelayan ini berpindah ke darat ataupun ke sebelah hulu dengan menyertai rancangan-rancangan tanah Kerajaan seperti rancangan FELDA dan sebagainya. Ini pun tak boleh dinafikan tentang baiknya, cuma apakah kita hendak menyuruh semua kaum nelayan ini pergi berpindah ke rancangan-rancangan tanah Kerajaan yang jauh-jauh daripada kampung mereka? Apakah kita hendak tutup kampung itu? Inipun tak jadi juga, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa hendaklah kita mencari jalan agar tanah tempat mereka tinggal itu boleh ditanam dengan sesuatu yang sesuai. Kalaulah ditanam dengan kelapa sebagaimana saya katakan tadi biarlah kelapa itu boleh mengeluarkan buah, boleh mendatangkan hasil yang baik. Jangan seperti sekarang, kalau ada tanah 5 ekar yang berbuahnya ialah 10 batang sahaja, yang lain tidak berbuah.

Saya rasa tentulah pihak MARDI, pihak yang ada kaitannya dengan hal ini boleh mengkaji bagaimana caranya boleh mendatangkan subur tanah di tepi pantai ini. Kalaulah di negeri Arab yang mempunyai padang pasir mereka boleh buat taliair dan boleh menanam dengan limau dan sebagainya, maka kenapa tanah kita yang memang boleh ditanam dengan sesuatu yang telah ada itu tak boleh disuburkan? Tentu boleh. Saya rasa insya Allah boleh dan kesempatan ini saya ambil dan saya yakin pihak yang berkenaan dengan hal itu akan menjalankan penyiasatan sebagaimana yang saya katakan itu dan hasilnya dalam masa 5-6 bulan lagi akan saya dapati, dan saya harap benar-benar perkara ini diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Setelah saya membuat syor tentang cara-cara ataupun pandangan saya untuk menentang inflasi ini, saya ingin menyentuh pula berkaitan dengan hal-hal yang lain.

Yang pertama, saya ingin menyentuh tentang ugama Islam.

Saya dapat tahu bahawa Yang Amat Berhormat Tuan Perdana Menteri ada menyampaikan ucapan iaitu cadangan menjadikan akhlak sebagai satu asas untuk kenaikan pangkat, pemilihan dalam jawatan Kerajaan dan sebagainya termasuk guru-guru dan mahasiswa-mahasiswa. Saya mengalu-alukan langkah ataupun pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat ini. Cuma saya hendak minta supaya ucapan Yang Amat Berhormat itu hendaklah kita laksanakan di negara kita ini, kerana memang kita tahu di negara kita ini tidak boleh dinafikan pegawai-pegawai kita memang sebahagian besarnya sudah mempunyai mutu yang baik dan bermoral yang baik. Cuma oleh sebab keadaan-keadaan yang ada pada masa ini kita takut pada masa yang akan datang akan berubah, sebab itulah kita perlu menjalankan latihan-latihan baru bagi menjadikan pegawai-pegawai kita di masa yang akan datang akan lebih bermoral dan berakhlak yang tinggi bersandarkan pengajaran Islam.

Tuan Yang di-Pertua, ini sesuai benar dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menghendaki pembangunan negara kita ini dijalankan dalam dua bidang—bidang rohani dan bidang jasmani. Kalau dari sudut pembangunan dapat kita peruntukkan dan

dapat kita buat dengan cara bersungguh-sungguh, maka dalam bidang rohani hendaklah kita jalankan sungguh-sungguh dan amalan hendaklah kita laksanakan bagi menerangkan kehendak Islam dalam pentadbiran dan pemerintahan kita dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu kedudukan sekarang ini saya nampak keadaannya kurang lagi. Saya memberi contoh dalam penerimaan pegawai-pegawai Kerajaan. Kalau lulus S.P.M. ataupun M.C.E. dan mendapat kepujian dalam agama Islam tetapi selalunya tidak mendapat keutamaan. Apa yang dikehendaki dalam penerimaan ke jawatan Kerajaan lulus sains, hisab dan bahasa Ingeris. Kalau lulus dengan mendapat credit dalam bahasa Melayu, agama Islam selalunya tidak mendapat layanan yang memuaskan. Sepatutnya dalam penerimaan ke jawatan-jawatan Kerajaan pertama sekali mesti dapat credit dalam agama Islam, lepas itu baru yang lain, kerana ini semata-mata bertujuan untuk menjadikan pegawai-pegawai kita itu tahu dalam hal agama. Sebab kalau orang tahu ini buat jahat pun ada hadnya. Kalau tidak tahu, maka hadnya tidak ada dia tidak tahu apa yang dibuat itu salah. Jadi apa yang kita kehendaki ialah supaya pegawai-pegawai kita yang terdiri daripada orang-orang yang tahu dari segi agama dan dapat menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang tidak disukai, sebab perkara-perkara yang tidak disukai oleh agama, bukan sahaja tidak disukai dari segi agama, bahkan tidak disukai juga oleh masyarakat. Seperti rasuah, rasuah kita menentang, semua masyarakat menentang rasuah. Agama Islam sendiri pun menentang rasuah. Lebih dahulu daripada keadaan yang ada sekarang lagi agama Islam telah menentang rasuah. Sabda Nabi Muhammad s.a.w., "Orang yang memberi rasuah, orang yang menerima rasuah, semuanya masuk neraka belaka". Jadi, saya minta perkara ini dipraktikkan oleh pihak Kerajaan bagi kepentingan kita pada masa yang akan datang.

Yang kedua, dalam perkara agama Islam ini saya ingin mengingatkan kepada Kerajaan tentang Instituit Dakwah yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan. Saya dapat tahu badan ini adalah satu badan yang baik, badan yang disukai oleh rakyat, khususnya orang-orang yang beragama Islam. Tetapi

nampaknya kurang bersungguh. Peruntukan diberi sedikit sangat, tidak banyak, tidak memuaskan, dan pegawai-pegawai yang ada di situ tidak mencukupi. Saya rasa perkara ini harus pihak Kerajaan mengambil perhatian biarlah pejabatnya pun baik, biarlah pegawai-pegawainya pun cukup supaya dapat menjalankan pentadbiran dengan lebih teratur dan boleh mengkoordinasikan dengan badan-badan yang lain dalam menjalankan usaha dakwah ini. Dan saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tentu mengambil perhatian sungguh-sungguh dalam hal ini, kerana ini mendatangkan keuntungan yang baik sesuai dengan kehendak negara kita sendiri menuju ke arah yang satu dalam menjalankan bahtera negara kita Malaysia ini di masa yang akan datang. Saya rasa itulah maksud yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan khasnya orang-orang yang bertanggungjawab dalam perkara-perkara dakwah ini.

Selain daripada itu, saya ingin melibatkan sedikit tentang kedudukan Bilal dan Imam di Negeri-negeri. Saya dapat tahu kedudukan Imam dan Bilal tidak diambil perhatian. Kalau sekarang ini pihak guru-guru sebuk dengan bonos, elaun dengan gaji naik dan sebagainya, pegawai Kerajaan lain pun begitu juga dengan 12 bulan kerja dapat 13 bulan gaji dan macam-macam lagi. Sekarang tidak ada cerita lain. Kalau suratkhbar dalam satu minggu itu cerita gaji agaknya 40%, banyak cerita gaji. Tetapi Imam dan Bilal orang lupakan sahaja.

Banyak rayuan yang sampai kepada saya, tentang hal ini dan saya menyatakan: tuan-tuan perlu tubuhkan union. Mereka mengatakan Iman dan Bilal tidak boleh menubuhkan union. Orang-orang yang duduk di masjid ini, kalau menubuhkan union hendak lawan dan hendak tunjuk perasaan di hadapan rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentulah tidak tergamak. Walaupun keadaannya tidak puashati, tetapi tidak puashati itu disuarakan dengan lebih teratur. Jadi biarlah saya tolong bawa perkara ini demi untuk faedah kita, kerana kalau tok Imam dan tok Bilal ini ketinggalan, gajinya \$100 lebih sahaja bagaimanakah mereka hendak hidup? Tentulah sangat menyedihkan dan orang pun tidak malu. Orang akan pandang kepada tok Imam dan tok Bilal ini rendah sangatlah!

Seorang cikgu mendapat gaji \$400 gaji permulaan \$310 sebulan. Sekarang sudah bekerja empat lima tahun, sudah berapa gajinya? Imam dan tok Bilal murah sangat gaji mereka seperti buruh-buruh yang bekerja di Majlis Bandaran sahaja, kadangkang lebih mahal gaji mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini sungguh tidak sesuai dan saya rasa tentulah perkara ini akan dapat perhatian, dan insya Allah pada masa yang akan datang akan adalah pandangan kepada Imam-imam dan Bilal-bilal di negeri kita ini. Saya tidak mahulah jawapan yang menyatakan ini soal Negeri, sebab perkara ini semua ada kerjasama Negeri dan pusat walaupun dalam hal gaji Imam dan Bilal ini ada kaitan dengan Negeri lebih banyak, tetapi tidak boleh dinafikan Pusat pun boleh campurtangan. Apatah lagi Majlis Hal Ehwal Ugama Islam selalu bersidang, membincangkan beberapa perkara, bolehlah dimasukkan hal ini dibincangkan sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyetujui lagi berkaitan dengan satu Kementerian iaitu Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru. Saya rasa mengadakan satu Kementerian untuk ini pun haruslah diperhatikan dan konsep Kampung Baru ini perlu diambil perhatian juga, kerana kedudukan sekarang seolah-olah Kampung Baru ini hanya satu kampung bagi satu kaum. Bila sebut Kampung Baru terbayanglah satu kaum dan orang yang menyuarakan hal-hal Kampung Baru pun satu kaum juga. Jadi, apakala selalu timbul masalah Kampung Baru yang merupakan satu kaum, maka seolah-olah kita membincangkan masalah perkauman, sedangkan maksud kita ialah hendak mengadakan penyatuan antara kaum di negeri kita ini.

Saya rasa, perlu difikirkan, adakah Kampung-kampung Bahru hendak dikekalkan dengan nama Kampung Bahru atau Kampung-kampung Bahru ini perlu kita namakan dengan nama-nama yang tertentu, macam kampung lain juga. Misalnya, Kampung Nakhoda Yusof, Kampung Batu Caves, dan bermacam-macam lagi. Di Dungun pun ada Kampung Bahru, di Kedah pun ada Kampung Bahru dan di Melaka pun ada Kampung Bahru. Saolah-olah Kampung Bahru ini satu kampung yang diduduki oleh

satu golongan. Saya rasa ini tidak merupakan satu hasrat untuk menyatukan kaum di negara ini.

Saya mencadangkan supaya Kampung Bahru ini perlu diambil perhatian, perlu dikaji dengan sungguh-sungguh dan sebaiknya Kampung Bahru dengan Kampung Lama itu dicampurkan jadi satu kampung. Misalnya di sini ada Kampung "A" dekat dengan Kampung "B", Kampung "B" penduduknya banyak orang Melayu. Kampung "A" banyak orang China, kita jadikan satu kampung dan dinamakan Kampung Tun Ali, misalnya. Jadi tidak ada cerita samada orang China menyuarakan kampung mereka, ataupun orang Melayu menyuarakan kampungnya. Kampung Tun Ali itu adalah hak mereka. Ini sebagai satu cara untuk menyatu-padukan kaum di negara kita ini dan badan yang mengendalikan kampung itu, misalnya Majlis Tempatan hendaklah dianggotai oleh beberapa golongan. Saya rasa tentu pandangan saya ini mendapat perhatian yang baik dari Menteri yang berkenaan kerana untuk faedah negara kita.

Saya ingin memperkatakan sedikit berhubung dengan perdagangan dan perusahaan. Kedudukan sekarang dalam Kementerian ini perlu kita pergiatkan lagi berkait dengan penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan. Sekarang ini orang-orang Melayu ataupun orang bumiputra sudah ada semangat hendak berniaga. Kadang-kadang orang Melayu ini hendak berniaga, dia tidak sedar zaman inflasi. Kadang-kadang mendatangkan kerugian. Jadi terlampau bersemangat kuat, kadang-kadang merugikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberi nasihat yang sebaiknya kepada peniaga-peniaga bumiputra dalam bidang perniagaannya, jangan kerana hendak merebut berniaga ia akan jadi bankrupt pula. Tambahan pula selalunya kedudukan peniaga antara bumiputra dan bukan bumiputra ini selalu berlawanan (competition). Saya minta Menteri yang berkenaan selalu mengadakan dialog ataupun mengadakan perjumpaan supaya kerjasama itu diperolehi di antara bumiputra dan bukan bumiputra dalam bidang perniagaan. Kita tidak boleh menolak bulat-bulat bukan bumiputra dan kita tidak boleh menyuruh bumiputra buat kerja sendiri tentang sesuatu perkara yang

mereka tidak dapat buat. Apa yang perlu bagi kita ialah mesti adakan kerjasama antara bumiputra dan bukan bumiputra.

Saya berani mengambil satu contoh tentang masaalah C.G.C. (Jaminan Credit). Di dalam perkara ini, selalunya orang bumiputra hanya dapat jaminan daripada Bank Bumiputra. Itu menunjukkan kurang kerjasama. Pergi dengan bank yang bukan bumiputra, hendak dapat borang pun payah. Saya mendapat pengaduan banyak tentang hal ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Bank Bumiputra kerana memang banyak menolong walaupun ada yang tidak puas hati kepada Bank Bumiputra. Kerjasama dari bank lain itu kurang. Kalau yang pergi itu Yang Berhormat ataupun Datuk-datuk, itu lain cerita. Ini kalau orang peniaga biasa, hendak dapat borang pun tidak boleh apatah lagi hendak dapat pinjaman. Saya minta kepada pihak yang berkenaan, Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Menteri Kewangan harus mengambil perhatian supaya biarlah Pengurus-pengurus Bank yang berkenaan di daerah-daerah, di negeri-negeri, memberi pandangan dan nasihat-nasihat yang sungguh-sungguh kepada bumiputra yang datang meminjan wang. Saya nampak sekarang kurang ada kerjasama. Saya minta pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kedua-dua Menteri, ambil perhatian dan menjalankan tindakan segera.

Masaalah besar kepada peniaga-peniaga bumiputra sekarang ini ialah masaalah hutang. Orang bukan bumiputra selalunya berniaga, kerana beri hutang. Orang ini hendak barang, belum kira bayar, beri dahulu. Apatah lagi orang ternama seperti Wakil-wakil Rakyat ini dia beri dahulu. Kepada bumiputra yang hanya ada modal satu pusingan, kalau beri berhutang, hendak beli barang dari mana pula modalnya. Saya rasa perkara ini perlu diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan khususnya dalam Cawangan Penyertaan Bumiputra dalam bidang perniagaan. Saya minta sungguh-sungguh perkara ini diambil perhatian.

Saya ingin menyambung sedikit lagi berhubung dengan pelajaran yang berkait dengan guru-guru bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar. Saya dapat tahu bahawa kebanyakan guru-guru bahasa Inggeris di luar bandar ditempatkan kepada mereka yang tidak mendapat latihan dalam bidang

pengajaran bahasa. Ini saya dapat tahu dan saya boleh buktikan beberapa buah sekolah dalam hal ini. Maka dengan sebab itulah murid-murid di luar bandar lemah dalam bahasa Inggeris, sebab guru itu hanya lulus M.C.E. sahaja. Setengahnya itu guru sementara, bukan guru-guru yang dilatih dalam bidang pengajaran bahasa. Setahu saya, guru-guru yang dilatih mengajar, dengan guru-guru yang hanya lulus, lain caranya. Sebab itulah kita dapati sebuah sekolah di luar bandar, kalau lulus S.P.M. tidak berapa boleh bercakap bahasa Inggeris. Kadang-kadang dengar pun tidak berapa faham. Ini betul, dan saya rasa kita tidak bolehlah biarkan macam ini, biarlah guru-guru itu dilatih sungguh, dihantar guru-guru keluar bandar dengan orang-orang yang betul-betul berkemahiran dan budak-budak yang lulus itu biarlah pandai sungguh. Perkara ini nampaknya kecil sahaja, tetapi berat. Saya rasa malu kalau sekiranya lulus S.P.M., tetapi tidak boleh bercakap bahasa Inggeris. Jadi saya harap pada masa-masa yang akan datang supaya perkara seperti ini akan diperbaiki dan diperbetuli oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Saya ingin menyentuh pula tentang hal kedudukan pelajar-pelajar kita di luar negeri yang baharu-baharu ini sibuk setelah Menteri Perusahaan Utama balik dari New Zealand menyatakan bahawa pelajar-pelajar kita selalu berbicara menentang Kerajaan Malaysia. Saya tertarik hati dalam hal ini, kerana saya nampak ini adalah melibatkan imej negara kita Malaysia. Negara kita ditentang oleh pelajar-pelajar kita. Ini ada kaitannya dengan Kedutaan kita di luar negeri. Agaknya Kedutaan kita di luar negeri tidak berjaya menanamkan semangat cinta-kedua tanahair di dalam jiwa pelajar-pelajar kita di sana.

Pihak Kementerian yang berkenaan harus mengkaji satu cara, satu jalan supaya dapat kita menanamkan perasaan cinta kepada tanahair di kalangan mereka. Kalaulah dengan keadaan begini, maka saya bimbang ramai lagi pelajar kita yang pergi keluar negeri maka banyak pula yang bencikan kepada negara. Ini sudah tentu tidak kena. Biasanya orang lain apakala datang ke negeri kita, mereka memuji negara mereka. Tetapi pelajar-pelajar kita apabila pergi ke negeri lain mereka mencaci negara kita.

Ini tentu ada tempat salahnya, takkanlah perkara itu berlaku begitu sahaja, dan perkara yang salah ini mestilah dibetulkan, dan dicari satu jalan bagi mengatasinya. Jika tidak, kita akan berkekalan dengan keadaan demikian dan sudah tentu kita akan jadi malu, sebagaimana kata Menteri yang berkenaan ketika balik dari New Zealand "akhirnya pula kita dengan negara itupun bermasam muka, kerana berita kita di sana dibesarkan dan pandangan rakyatnya terhadap negara kita pun rendah."

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus diambil perhatian khasnya oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang ada kaitannya dengan hal tersebut bersama dengan Kementerian Pelajaran. Kalau kita tidak mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh, perkara ini akan berkekalan dan merugikan pula pada negara kita.

Saya ingin menyebutkan pula berkenaan dengan perkara yang berlaku baru-baru ini di dalam Kementerian Pelajaran di mana kertas peperiksaan Bahasa Malaysia bocor. Bagaimana perkara ini boleh berlaku? Sehingga pihak suratkhbar tahu dan beritanya disiarkan dalam suratkhbar-suratkhbar sehingga orang-orang sibok berkenaan dengan kertas peperiksaan itu bocor. Kita hairan bahawa negara kita yang mempunyai keselamatan yang cukup, mempunyai pentadbiran yang kemas tetapi kertas peperiksaan itu bocor.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu perkara ini berulang lagi di masa akan datang, dan perkara seperti ini sungguh menjadi pengajaran kepada kita dan saya yakin Menteri Pelajaran yang baru ini akan mengambil tindakan yang lebih tegas berhubung dengan hal itu, supaya perkara itu tidak akan berlaku lagi. Kita mengatakan salah di sana, ialah di sini, tetapi yang betulnya ialah rahsia negara kita sekarang sudah tidak begitu kemas. Perkara ini adalah melibatkan banyak kaitannya, dan saya minta pihak Kerajaan harus mengambil perhatian bukan sahaja kaitannya mengenai kertas peperiksaan itu bocor, bahkan ada kaitan dengan yang lain, khasnya dalam bidang keselamatan atau rahsia negara ini.

Itulah sahaja pandangan saya kepada Kerajaan demi untuk kebaikan negara kita di masa akan datang. Sekianlah sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

4.14 ptg.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pada keseluruhannya saya menyokong cadangan Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya sungguh menyambut baik atas beberapa cadangan-cadangan beliau mengenai cukai dan juga bermacam-macam taxation. Namun begitu saya ingin menerangkan perasaan sedikit kesal bagi pihak Negeri Sarawak terhadap cadangan untuk menghapuskan perbezaan cukai di tingkat ini, pada masa sekarang ini, iaitu hanya dalam tempoh yang begitu singkat setelah Sarawak masuk dalam Persekutuan Malaysia, sedangkan Sarawak baharu sahaja mendapat faedah daripada Rancangan Pembangunan, Rancangan Malaysia Pertama dan juga sebahagian daripada Rancangan Pembangunan Malaysia Kedua, berbanding dengan Negeri-negeri di Tanah Melayu ini yang telahpun dimajukan semenjak beberapa tahun sebelum Sarawak tahu mengenai masaalah politik.

Sungguhpun demikian, memang saya yakin bahawa cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu adalah dengan tujuan untuk memberi satu gambaran bahawa kita mempunyai aturan yang sama di seluruh negara Malaysia kita ini.

Saya harap bagaimanapun semuga penghapusan perbezaan cukai ini akan diikuti dengan kecepatan menghantarkan kepada Negeri wang perbelanjaan yang telahpun diluluskan oleh pihak yang atas sekali dalam negara kita ini, iaitu oleh Kabinet ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ataupun Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri.

Selalu berlaku, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju dengan suatu cadangan, satu projek, persetujuan itu telah diterima oleh semua golongan, tetapi wangnya lambat datang. Saya pernah menyuarakan perkara ini beberapa kali dalam Dewan ini, misalnya, mengenai subsidi kepada lada sudah dipersejui oleh semua pihak, tetapi subsidi pada tahun yang berkenaan itu dihantar dalam bulan Disember tahun itu. Jadi, tak sempat kita hendak belanjakan. Berlaku lagi permohonan, misalnya yang telah juga dipersejui untuk mendapat pinjaman wang supaya Suruhanjaya Perumahan di Negeri

Sarawak dapat membina rumah-rumah harga rendah untuk rakyat. Permohonan ini sudah-pun dipersetujui begitu lama. Berkali-kali briefing pegawai yang berkenaan memberitahu saya sudah dipersetujui, tetapi wangnya belum datang, sampai sekarang wangnya belum datang lagi. Khabarnya minggu ini, barulah suatu perjanjian di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan ditandatangani di antara Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya sendiri. Saya harap ini akan dapat dipercepatkan, kerana jikalau wang itu tidak datang, kita telah membuang masa selama dua tahun sekurangnya dalam melaksanakan projek perumahan untuk rakyat di Negeri Sarawak. Jadi amalan yang telah berjalan selama ini tidak begitu cocok dengan dasar Kerajaan Malaysia kita yang selalu melaong-laongkan iaitu Action-Oriented. Nampaknya Action-Oriented itu mungkin hanya diperingkat Menteri-menteri sahaja tetapi tidak sampai ke peringkat pegawai-pegawai.

Saya ambil tauladan mengenai masaalah gaji baru untuk jurutrengkas di Negeri Sarawak. Perkara ini telahpun mula dibincangkan dalam bulan Julai, 1973 tetapi sampai sekarang Kerajaan Pusat belum mengambil keputusan, sungguhpun beberapa surat telah dikirimkan.

Pada mulanya Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak telah menulis sepucuk surat pada 17hb Julai, 1973, kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Bahagian Belanjawan) Kuala Lumpur mengenai gaji-gaji jurutrengkas di Sarawak. Pada masa ini mereka masih lagi diberi gaji tetapi sebanyak \$350 sebulan setelah sekim Suffian dilaksanakan di Sarawak—tidak naik, tidak turun tetapi \$350 sebulan sahaja. Kerajaan Negeri telah mencadangkan dalam bulan Julai, 1973 supaya jurutrengkas di Sarawak diberi gaji tingkatan D2 sehingga D3 iaitu dari \$260 sehingga \$600 sebulan.

Pada 26hb Julai, Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan telah menghantar jawapan memaklumkan, "bahawa tindakan dalam perkara ini sedang diambil". Kita dapat salinan surat daripada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan mengenai perkara ini iaitu surat yang ditulis kepada Pejabat Perjawatan di Kuala Lumpur.

Pada 28hb November, 1973, Bahagian Belanjawan telahpun menulis surat lagi mengenai perkara ini kepada Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia untuk mendapatkan panduan atau pandangan atas cadangan ini dengan agak segera.

Pada 12hb Januari, 1974 Pegawai Perkhidmatan Negeri Sarawak telah berjumpa dengan seorang pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia di Kuala Lumpur mengenai perkara ini, dan pada 17hb Januari, 1974 Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak telahpun menulis sepucuk surat kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia mengenai perkara ini lagi.

Pada 27hb Mac, 1974 Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan Kuala Lumpur sebagai menjawab surat-surat daripada Kerajaan Negeri Sarawak telah memberitahu kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak bahawa permintaan Kerajaan Negeri Sarawak dalam perkara ini masih dalam pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia (Bahagian Gaji).

Pada 7hb Mei, 1974, Kerajaan Negeri Sarawak menghantar sepucuk surat lagi kepada Bahagian Belanjawan, Kuala Lumpur mengenai perkara ini dan telah mendapat jawapan pada 16hb Mei, 1974 yang memberitahu bahawa pihak Jabatan Perkhidmatan Awam masih lagi menimbangkan perkara ini.

Pada 21hb Jun, 1974 Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak menulis lagi sepucuk surat kepada Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan, Kuala Lumpur untuk bertanya keputusan Kerajaan mengenai perkara ini.

Pada 6hb Julai, 1974 sebagai menjawab surat tersebut, pihak Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan telah memaklumkan Kerajaan Negeri Sarawak bahawa sehingga tarikh tersebut pihak Bahagian Belanjawan, belum lagi menerima apa-apa keputusan dari Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai perkara ini—satu tahun habis.

Pada 10hb Ogos, 1974, sepucuk surat peringatan telah dihantar lagi oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak kepada Bahagian Belanjawan dan pada 29hb Ogos, 1974, Bahagian Belanjawan, Perbendaharaan telah menghantar peringatan yang ketiga kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Bahagian Gaji), Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia, mengenai perkara ini.

Pada 5hb November, 1974 Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak telah menghantar sepucuk kawat taligram kepada Federal Establishment Office, Kuala Lumpur, untuk perhatian seorang pegawai bertanya seperti berikut dalam bahasa Inggeris:

“Address: FESTOFF Kuala Lumpur.

Attention seorang pegawai—tidak mahu sebut nama pegawai.

Repeated Treasury Kuala Lumpur, Attention (Kemudian nama pegawai).

Please advise urgently whether new salary scale for stenographers proposed by the State has been approved. This office proposes to include the new salary scale in State Estimates for 1975 which is under examination now.”

Setakat yang saya ketahui, taligram tersebut sampai pada saat ini belum dijawab lagi. Ini sudah 21hb, sekurang-kurangnya jawablah, beritahu apa yang berlaku, ini taligram datang. Sekarang sudah bulan November, kita akan menyediakan Estimates untuk tahun 1975. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menggunakan jasa baiknya untuk mengarahkan supaya perkara ini dapat diambil perhatian seberapa cepat yang mungkin untuk mengelakkan perasaan frustration di kalangan jurutrenkas yang berkenaan di Negeri Sarawak itu, dan juga benar-benar menggambarkan bahawa apa yang telah menjadi dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Pusat, diamalkan oleh Menteri-menteri dan juga diamalkan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Takkan satu perkara yang begitu mudah ditimbangan tidak mendapat pandangan selama satu tahun setengah. Jangan katakan keputusan, pandangan pun tidak ada, soalan pun tidak ada. Soalan hendak bertanya, apa sebab minta lebih pun tidak ada, langsung tidak ada apa-apa jawapan dalam perkara ini. Ini selalu berlaku dalam perhubungan di antara Negeri dengan Kerajaan Pusat. Saya harap perkara yang seperti ini dapat diperbaiki supaya kita jangan terlalu sangat melaong-laongkan kenyataan dalam akhbar. Ini Kerajaan kita Action-Oriented, tetapi pada amalannya, ini yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, memang Menteri-menteri selalu membuat kenyataan, selalu membuat janji-janji kepada rakyat, hari-hari kita lihat statements tiga, empat, lima, enam, dan ini telah menimbulkan harapan yang besar di kalangan rakyat. Mereka sentiasa

berharap supaya Kerajaan dapat melaksanakan dengan secepat mungkin apa yang telah dinyatakan oleh Kerajaan dalam akhbar-akhbar dan lain-lain.

Orang-orang miskin yang tidak berumah di beberapa tempat di Sarawak telah menunggu rancangan perumahan yang saya sebutkan tadi, tetapi oleh kerana dari setahun ke setahun wangnya tidak datang sampai sekarang projek itu tidak dapat berjalan dan rancangan untuk membaharui Kota Miri terpaksa ditangguhkan juga. Banyak lagi tauladan-auladan yang lain. Misalnya, satu rancangan keselamatan—ini rancangan keselamatan di Negeri Sarawak yang saya mula laksanakan. Apabila kita menjalankan Operasi Ngayau di Bahagian Ketiga lebih daripada 3 tahun dahulu, Rancangan Skual, semuanya telah disetujui dan sehingga kepada beberapa bulan yang lalu, saya telah berfikir bahawa rancangan itu telahpun dilaksanakan. Sampai pada suatu mesyuarat beberapa bulan yang lalu, barulah saya diberitahu wang belum datang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan yang besar daripada rakyat Malaysia di Sarawak supaya kepincangan ini dapat diperbaiki di masa-masa yang akan datang. Jikalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang dan lebih-lebih lagi pihak sabersif yang masih ada di negeri kita ini akan mengambil kesempatan yang besar untuk menjalankan propaganda-propaganda yang jahat, menabur racun-racun, mempengaruhi fikiran rakyat supaya membenci dan supaya jangan percaya kepada Kerajaan. Jadi kita tidak patut memberi kesempatan kepada golongan-golongan yang demikian yang berusaha dengan seberapa boleh untuk menjatuhkan nama baik Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi propaganda pihak-pihak Pembangkang, kerana tidak ada yang lain yang akan dikerja oleh mereka selain daripada mencari kesalahan-kesalahan, jangan lagi yang besar yang sekecil-kecilnya pun dicari oleh mereka supaya mereka dapat memancing undi dalam pilihanraya-pilihanraya. Malangnya, di Negeri Sarawak propaganda-propaganda itu merupakan propaganda anti-Islam, anti-Melayu, anti-Kerajaan Pusat, memecah-belahkan rakyat dengan mengapi-api sentimen perkauman, menyemai perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat tertentu lebih-lebih lagi misalnya rakyat bumiputra, rakyat Iban, rakyat Kayan, rakyat Kenyah

dan lain-lain dengan tuduhan bahawa Kerajaan tidak adil. Misalnya, Pembangkang di Negeri Sarawak tergamak menterjemah satu undang-undang di Negeri Sarawak. Undang-undang Tanah, yang dalam bahasa Inggeris berbunyi demikian:

“Any native customary rights may be extinguished by the direction of the Minister which shall be published or notified in the Gazette or being brought to the notice of the persons affected thereby in such manner as the Minister thinks necessary, and on the expiry of six weeks from the publication or notification in the Gazette or after the said notice having been effected as afore-said, the native customary rights shall cease and be extinguished and the land held under such rights shall revert to the Government. Provided that where such rights are extinguished in accordance with this section there shall be paid compensation in connection therewith or other land over which such rights may be exercised may be made available with or without the payment of any additional compensation whether for disturbance or for the cost of removal or otherwise.”

Apa yang telah Pembangkang buat mereka terjemahkan sebahagian daripada seksyen ini yang atas sekali iaitu yang mula-mula tadi, Proviso tidak hanya kuasa mengambil tanah. Mereka terjemahkan begini dalam bahasa Melayu dan diphotostat serta disebarikan kepada rakyat:

“Sebarang hak istimewa bumiputra yang teradat boleh dihapuskan atas arahan seorang Menteri bilamana akan disiarkan dalam pengumuman Warta Kerajaan akan mengikut penyata yang telah diberi kepada orang punya harta tersebut. Dengan demikian lakunya sebagaimana yang perlu atas fikiran seorang Menteri dan dalam tempoh enam minggu mulai dari siaran dan pengumuman dalam Warta Kerajaan atau setelah penyata tersebut berlaku sebagaimana yang tersebut di atas hak bumiputra yang teradat akan hapus dan lenyap tanah atas pegangan di bawah hak demikian akan terpulang balik kepada Kerajaan.”

Tidak diterjemahkan, tidak dicyclostyle mengenai gantirugi. Inilah yang disebarkan dalam bahasa Melayu. Dalam bahasa Iban berbunyi demikian: “(Semua tanah asal . . .). What a mischievous piece of propaganda?

It is very irresponsible. Dengan tujuan tidak lain supaya rakyat benci kepada Kerajaan. Undang-undang ini jelas untuk ambil tanah, bayar gantirugi. Diterjemahkan bahawa Kerajaan boleh ambil tanah, gantinya tidak ada.

Selain daripada itu, kita lihat tembelang Pembangkang ini waktu pilihanraya. Apa yang dibuat oleh mereka menunjukkan tembelang mereka. Ini dalam bahasa Iban. Mereka tulis.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam bahasa apa Yang Berhormat?

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Bahasa Iban.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya rasa bagi menyelamatkan waktu Majlis ini tidak payahlah dibaca.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Ya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah dibacakan.

Datuk Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub Tujuannya begini: “Mereka menuduhkan bahawa seorang bernama Encik Thomas Kana adalah menjadi kuncu-kuncu orang Melayu menggunakan belanja Negeri untuk merosakkan Ugama Tuhan Isa. Sebab dia menyuruh orang Iban belajar Quran dan adat Islam. Jadi, kita nanti terus semua jadi karam lalu tenggelamlah kita semua.” Ini propaganda yang digunakan oleh mereka untuk menyemaikan perasaan-perasaan benci kepada orang Islam, benci kepada Kuala Lumpur, benci kepada orang Melayu. Ini yang mereka buat. Saya harap Kerajaan akan memberi pertimbangan untuk mengadakan suatu undang-undang supaya mengawal perbuatan yang seperti ini iaitu tiap-tiap propaganda yang bohong itu mereka yang membuat propaganda demikian patut dapat dituduh dan dihukum oleh Mahkamah di bawah Undang-undang Jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kembali kepada masalah pembangunan di seluruh negara kita, saya mengalu-alukan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya bangunan-bangunan, rumah-rumah Kerajaan, misalnya, rumah harga murah, bangunan rumah sekolah dengan seberapa

bolehnya menggunakan kayu-kayan, dan saya harap ini akan benar-benar dapat dilaksanakan. Saya rasa kalau kita menggunakan pre-cut system kita akan dapat melaksanakan rancangan perumahan harga murah dengan cepat di seluruh negara kita. Dalam perkara ini adalah sedikit tentangan daripada golongan yang tertentu, kerana mereka berkata yang simen pun keluaran dalam negeri juga, dan kalau kita menggunakan bahan kayu-kayan ini maintenance cost terlalu mahal. Saya harap Kerajaan Pusat akan bersikap tegas di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh masaalah pelajaran sedikit iaitu tentang hal pembinaan rumah-rumah sekolah, bangunan-bangunan sekolah. Saya baharu diberitahu oleh pegawai yang berkenaan di Sarawak bahawa Kementerian Pelajaran bercadang hendak menangguhkan pembinaan beberapa buah sekolah menengah di negeri itu sehingga kepada Rancangan Malaysia Ketiga. Saya merayu supaya keputusan ini dikaji semula kerana jikalau rancangan ini ditangguhkan, kita akan mengalami suatu akibat yang tidak baik kerana mulai daripada tahun ini peperiksaan Darjah VI atau Common Entrance Examination di Sarawak akan dihapuskan. Ini bermakna kira-kira 70% lagi bilangan murid-murid yang akan masuk ke dalam sekolah menengah mulai daripada Form I di Negeri Sarawak, 70% daripada angka kira-kira tiga tahun dahulu. Jadi kalau rancangan untuk membina rumah-rumah sekolah yang telahpun diperseetujui dalam Rancangan Malaysia Kedua ini ditangguhkan, maka kita akan mengalami kekurangan bilik-bilik darjah di seluruh negeri Sarawak. Saya merayulah supaya keputusan tersebut tadi dapat dikaji semula.

Juga saya mengalu-alukan pengumuman Yang Berhormat Menteri Pelajaran tentang penyemakan semula mata-mata pelajaran. Ini suatu cadangan yang sungguh baik diperingkat ini. Saya harap dalam penyemakan ini kita akan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada mata pelajaran yang boleh menambahkan kesedaran dikalangan pelajar-pelajar, kasih sayang kepada tanahair dan bangga sebagai rakyat Malaysia, dan juga semangat sanggup, sentiasa untuk berikhtir tidak terlalu sangat bergantung kepada orang lain. Saya rasa mata-pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah sekarang masih lagi terlalu akademik, dan pengkajian semula ini

haruslah mengambil perhatian tentang keadaan ini dalam negeri kita yang menghendaki supaya anak-anak yang keluar daripada sekolah itu akan dapat bekerja di kilang-kilang, juga dalam estet-estet ataupun menjadi kaum tani ataupun yang lain-lain.

Sungguhpun saya ada membaca dalam akhbar bahawa pada masa ini guru-guru Bahasa Malaysia sudah mencukupi mungkin di Semenanjung, tetapi di Sarawak belum lagi. Sebenarnya kita baru sahaja melangkah untuk menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama. Dengan hal yang demikian itu, saya berharap semoga Kementerian Pelajaran akan lebih-lebih giat lagi untuk melatih guru-guru yang berkenaan itu dan menghantar mereka ke Sarawak, juga melatih guru-guru di Sarawak untuk betul-betul mahir menggunakan Bahasa Malaysia.

Selalu kita membaca dalam akhbar-akhbar sekarang mengenai tunjuk perasaan oleh pelajar-pelajar baik di universiti mahupun di sekolah-sekolah menengah. Saya rasa kita harus mencari satu jalan bagaimana pelajar-pelajar itu mendapat pendidikan disiplin yang lebih cukup, lebih kuat lagi daripada yang ada pada masa ini. Seruan kita menggalakkan anak-anak kita untuk belajar sains dan teknologi memang baik, memang disokong penuh oleh rakyat, tetapi saya harap janganlah kecintaan zaman sekarang kepada sains dan teknologi itu sampai mendewadewakan sains dan teknologi sebagai Tuhan. Harus ada perimbangan di antara kehendak-kehendak, nilai-nilai Malaysia kita dengan sains dan teknologi.

Kita masih kekurangan doktor dan masih kekurangan engineer, akitek dan lain-lain. Saya rasa kita harus mempunyai program yang khas untuk melatih doktor-doktor dan pakar-pakar yang lain. Di Sarawak sahaja kita kekurangan dalam Jabatan Kerja Raya lebih daripada 30 orang engineer. Doktor pula jangan disebut lagi, memang begitu kurang. Tidak memadai bagi kita melanjutkan rancangan sekarang iaitu kita cari doktor-doktor daripada luar negeri, itu tidak mencukupi. Saya rasa dalam berpuhlah tahun yang akan datang di Malaysia ini, kita masih akan tetap kekurangan doktor, engineer dan profesyenal yang lain, jikalau kita hanya menjalankan program pendidikan kita seperti yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah keselamatan dalam negeri Sarawak, saya seperti rakan-rakan yang lain memang percaya penuh bahawa "prevention is better than cure". Dalam perkara ini inginlah saya mencadangkan supaya Kerajaan Pusat mengkaji dengan seberapa secepatnya untuk menambah bilangan anggota-anggota polis terutama sekali dalam Special Branch di Negeri Sarawak itu. Bilangan yang ada sekarang ini memang tidak mencukupi sama sekali. Jikalau tambahan kepada anggota polis ini hanya berjalan seperti biasa, normal increase exercise, sampai beberapa tahun yang akan datang kita tidak akan mempunyai bilangan anggota polis yang mencukupi. Yang baiknya tiap kampung itu haruslah ada dikawal oleh pihak polis. Kita sekalian ketahui untuk melatih pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam Special Branch adalah mengambil masa panjang. Pengalaman saya selama 4 tahun menjaga keselamatan di negeri Sarawak baik Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat, mahupun pihak tentera, mereka sangat-sangat bergantung terutama sekali mengenai operasi terhadap penjahat-penjahat kominis itu, kepada laporan-laporan yang didapati ataupun disiasat oleh pihak Police Special Branch. Jika pegawai-pegawai Special Branch tidak mencukupi, maka mereka tidak akan mendapat intelligence information yang cukup, dengan itu kita tidak dapat melancarkan gerakan memburu penjahat-penjahat ini dengan berkesan dan sempurna. Maka saya merayulah semoga Kerajaan Pusat khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan, berilah wang peruntukan yang banyak kepada pihak polis supaya mereka dapat mengambil pegawai-pegawai yang baru untuk berkhidmat lebih ramai lagi dalam Jabatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali saya datang ke Kuala Lumpur, saya nampak bangunan UDA yang baru, projek UDA di kiri-kanan, utara-selatan, barat dan timur. Ini baik. Tetapi inginlah saya mencadangkan supaya janganlah UDA itu bermakna UDA untuk Kuala Lumpur sahaja. Patutlah UDA giat di negeri-negeri yang lain juga seperti Perak, Kelantan, Trengganu, Sabah, Sarawak dan lain-lain. Saya mempunyai rancangan-rancangan di Sarawak yang saya rasa UDA harus mengambil bahagian. Saya merayu supaya perkara ini dapat diambil perhatian oleh Menteri yang bertanggungjawab.

Mengenai pertanian, kita telah mendengar betapa pentingnya negara Malaysia ini membuka kawasan-kawasan yang lebih besar lagi untuk menanam bahan-bahan makanan khususnya beras. Kita telah mendapat kawasan lebih daripada 100,000 ekar di Negeri Sarawak untuk maksud ini dan saya harap Kementerian yang berkenaan di peringkat Pusat akan mengambil tindakan yang segera untuk melaksanakan projek menanam padi dalam kawasan-kawasan yang besar di negeri Sarawak itu.

Kira-kira 7 tahun dahulu, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, bekas Perdana Menteri kita dahulu telah mencadangkan supaya Negeri Sarawak itu dijadikan sebuah Negeri untuk mengeluarkan beras buat makanan di seluruh negara Malaysia ini. Dahulu kita berfikir bahawa di Semenanjung Malaysia ini kita kekurangan lebih kurang 20% beras tetapi setelah dikaji betul-betul sebenarnya kita kekurangan lebih daripada itu kerana baru sahaja diketahui dalam statistik yang kita dapat tiap-tiap tahun dari semasa ke semasa masih lagi dimasukkan kawasan-kawasan beribu-ribu ekar yang tidak lagi pun menanam padi selama 3-4 tahun yang dahulu. Saya gembira bahawa langkah telahpun diambil oleh Kerajaan Pusat kita untuk memperbetulkan perkara ini supaya kita dapat mengetahui dengan sebenarnya berapa banyakkah kekurangan beras di dalam negeri kita.

Dukacita saya menerangkan sungguhpun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua berbagai-bagai rancangan, misalnya, untuk Negeri Sarawak pihak MAJUTERNAK belum begitu cergas lagi menjalankan tugasnya di Sarawak. Jikalau misalnya mereka tidak dapat betul-betul menjalankan tugas mereka, tidak dapat melaksanakan projek yang telahpun dipertanggungjawabkan ke atas mereka, eloklah berterus-terang dan serahkan projek itu kepada agensi-agensi dalam Negeri ataupun untuk perkongsian di antara agensi-agensi Negeri dan pihak swasta. Kawasan telah dibuka tetapi nampaknya masih berjalan seperti orang tua yang berumur 100 tahun.

FIMA belum mempunyai projek di Sarawak. Dahulu sudah ada satu kenyataan dibuat oleh pegawai yang tertentu bahawa satu kawasan di Muaratuang akan ditanam dengan nenas tetapi sampai sekarang tidak ada apa berita lagi. Saya faham dan saya

sedar bahawa mengikut keadaan pasaran sekarang ini adalah tidak viable untuk menanam nenas secara besar-besaran di Negeri Sarawak. Ini memang telah diketahui bertahun-tahun dahulu, tetapi sungguhpun demikian satu kenyataan telah dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab bahawa FIMA akan membuka kawasan di Muaratuang secara besar-besaran untuk rakyat menanam nenas. Rakyat menunggu dan yang sakitnya, ialah Kerajaan Negeri Sarawak. Pihak Pembangkang menjalankan propaganda dengan mengatakan Kerajaan Negeri Sarawak bercakap bohong katanya hendak tanam nenas, tetapi tak ada ditanam nenas sampai sekarang. Saya harap semoga pihak-pihak yang berkenaan akan berhati-hati mengeluarkan kenyataan. Jikalau satu projek itu belum betul-betul lagi dapat dilaksanakan, eloklah kita diam-diam sahaja dahulu supaya rakyat tidak hampa.

Projek L.N.G. saya harap dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin bersama-sama ataupun diikuti dengan projek petrochemical. Sekarang PETRONAS telahpun ditubuhkan. Ini akan memberi suatu harapan yang baru pada segi kewangan dan lain-lain kepada Negeri Sarawak.

Dalam Buku Rancangan Malaysia Kedua ada tertulis bahawa Bank Pertanian akan membuka cawangannya di Sarawak. Ini sudah penghujung tahun 1974 belum ada nampak apa-apa lagi. Saya harap rancangan ini tidak akan ditangguhkan kepada Rancangan Malaysia Ketiga kerana jikalau demikian terlalu banyaklah rancangan-rancangan yang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua itu ditangguhkan kepada Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mengenai masalah penyertaan bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan ataupun pelaksanaan rancangan Dasar Ekonomi Baru. Memang di seluruh negara, kita sekarang belum berpuas hati dengan pelaksanaan ini. Saya percaya Kerajaan sendiri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri belum berpuas hati. Memang kita masih jauh lagi daripada matlamat yang hendak kita capai, sungguhpun demikian tidak dapat dinafikan oleh pihak Pembangkang bahawa samada Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri semuanya telahpun mengambil

langkah-langkah yang positif untuk benar-benar melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini iaitu penghapusan kemiskinan dan restructuring of society. Untuk mencapainya matlamat menghapuskan kemiskinan tidak siapa yang mempunyai fikiran siuman yang dapat berkata bahawa kita dapat berjaya menyelesaikan tugas ini dalam masa 5 tahun. Amerika sendiri mempunyai orang miskin, di Australia negeri yang lebih kaya daripada kita ada orang yang bersusun-susun hendak minta makanan daripada gereja dan seterusnya sedangkan lagi kita sebuah negeri yang masih muda yang baru membangun lagi. Ini diketahui dan diakui oleh pihak Pembangkang sendiri. Sungguhpun demikian mereka menjalankan propaganda-propaganda dikalangan orang miskin, orang yang tidak begitu terpelajar seolah-olah Kerajaan telah tidak sama sekali mengambil langkah untuk mengubah nasib rakyat di luar-luar bandar.

Dalam bidang penyertaan bumiputra, perdagangan dan perusahaan kalau mengikut targetnya 30% dalam tempoh 20 tahun dibahagi dengan 3 tahun, memang nampaknya belum sampai pun kepada matlamat tiap-tiap tahun itu, tetapi kita harus memberi elaun kepada masa dasar itu dimulakan dengan perlaksanaannya. Salah satu daripada perkara yang sungguh rumit dan sukar bagi anak bumiputra dalam negara ini ialah modal dan technical know-how. Saya sendiri telahpun mengemukakan dan merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mencari satu jalan bagaimana golongan bumiputra yang betul-betul mempunyai minat yang mahu bekerja sendiri untuk berkecimpung dalam perusahaan dan perdagangan ini dapat meminjam modal dengan bayaran interest yang agak sederhana. Dikatakan murah sangat pun tidak baik—sederhana, jangan terlalu memberatkan mereka misalnya 12%, 13%.

Di Sarawak memang ada golongan bumiputra yang kurang senang hati dengan pelaksanaan dasar ini khususnya yang di luar bandar, tetapi ini bukan disebabkan kekurangan peluang (opportunity) diberi oleh pihak Kerajaan sebaliknya kekurangan bilangan bumiputra yang betul-betul mahu sanggup bekerja sendiri menyertai dalam perusahaan dan perdagangan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Misalnya, dalam tahun 1972 untuk mendapat konterek beberapa macam konterek di bawah Jabatan Pelajaran Sarawak hanya 20 orang daripada keturunan Melayu yang masuk tender. Daripada orang Iban hanya 2 orang yang masuk tender. 6 daripada 20 orang anak Melayu itu dapat iaitu merupakan 30%, seorang daripada anak Iban itu dapat iaitu merupakan 50% daripada bilangan yang masuk tender. Tender untuk mendapat konterek daripada hospital tahun itu juga, 8 orang anak Melayu yang telah meminta, daripada bumiputra lain langsung tidak ada, 3 orang anak Melayu telah berjaya merupakan 37.5%.

Dalam tahun 1973 untuk mendapat konterek daripada hospital, 19 orang anak Melayu telah memasukkan tender, hanya seorang Iban sahaja telah masuk tender. Daripada bilangan tersebut 6 orang Melayu telah berjaya iaitu 32%, seorang Iban telah berjaya iaitu 100%. Jadi oleh kerana bumiputra ini tinggal di kawasan-kawasan pendalaman yang jauh dan seterusnya selama dijajah oleh Brooke, dijajah oleh British tidak ada galakan langsung untuk mereka berkecimpung dalam perdagangan dan perusahaannya.

Peluang-peluang yang ada sekarang diberi kepada anak bumiputra merupakan suatu perkara yang mengejutkan sekali sehinggakan mereka tidak tahu hendak cari borang masuk tender, hendak isi borang masuk tender pun tidak tahu. Jadi, adalah tidak betul bagi sesiapa khususnya pihak Pembangkang berkata bahawa ada diskriminasi oleh Kerajaan, baik Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu. Sebenarnya, dalam Rancangan Malaysia Kedua kebanyakan daripada kawasan tanah yang baru dibuka oleh Kerajaan ialah 100% untuk orang Iban, Sekuau untuk tanaman lada dan tanaman getah 100% untuk orang Iban. Di Ulu Mukah kawasan Iban. Di Kawasan Miri bercampur bumiputra berbagai-bagai bangsa.

Satu rancangan baru, saya harap akan dapat dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, di Lubuk Antu 100% dan sekelilingnya untuk orang Iban. Saya ingin mengambil kesempatan ini menafikan tuduhan bahawa nasib bumiputra yang

lain selain daripada Melayu ataupun Islam telahpun tidak diambil tahu oleh Kerajaan sangat-sangat tidak betul sama sekali. Sebenarnya, baik Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri telahpun berusaha dan telah lebih banyak menolong semua golongan bumiputra dalam tempoh 4 tahun yang lalu iaitu masa Kerajaan Campuran Negeri Sarawak mentadbir di Negeri Sarawak. Kerajaan Pusat mencari pegawai-pegawai Sarawak untuk berkhidmat dalam Kementerian-kementerian di Kuala Lumpur ini, hanya kita dapat tiga empat orang sahaja yang dapat kita berikan kepada Kerajaan Pusat, kerana Kerajaan Negeri Sarawak sendiri kekurangan tenaga. Ada anak Iban yang bekerja di Foreign Ministry, ada yang bekerja di tempat yang lain. Bila sahaja ada yang lulus daripada universiti dia langsung akan mendapat bekerja. Statistik sekarang menunjukkan bilangan kaum-kaum dalam jabatan-jabatan Kerajaan memang memberi gambaran yang tidak sihat, tetapi malangnya, apa yang dibangkit-bangkitkan ialah perbezaan di antara bumiputra Melayu dengan bumiputra bukan Melayu. Mereka tidak membangkitkan masalah bilangan yang bukan bumiputra dalam Jabatan-jabatan Kerajaan. Kenapa si Melayu ini yang menjadi target kepada kecaman-kecaman?

Saya pernah memberitahu Dewan ini adalah bertentangan dengan Perlembagaan negara kita jikalau semata-mata untuk mengimbangkan bilangan bumiputra dengan bukan bumiputra, misalnya, memegang jawatan-jawatan tertinggi, kita angkat seorang anak bumiputra itu melangkah 40-60 orang pegawai-pegawai yang sudah senior daripada pegawai-pegawai bumiputra, itu adalah melanggar Perlembagaan dan itu akan menimbulkan pula sesuatu perasaan yang keciwa (frustration) di kalangan bukan bumiputra.

Dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru bukanlah Kerajaan bertujuan hendak melakukan kezaliman kepada mana-mana satu golongan. Dasar ini patut dijalankan dengan penuh keadilan. Kesusahan yang dialami oleh bumiputra di Negeri Sarawak pada masa ini dalam masalah bilangan pegawai-pegawainya dalam beberapa jabatan-jabatan, pejabat-pejabat, kementerian-kementerian adalah hasil daripada kecuaiannya pihak penjajah Brooke dahulu, kecuaiannya tidak memberi pelajaran yang tidak mencukupi

kepada anak bumiputra, anak bumiputra ditinggalkan begitu sahaja, tidak ada sekolah Kerajaan yang dibuat oleh Brooke.

School Certificate class baru dibuka di Negeri Sarawak oleh sekolah mission dalam tahun 1949. Kerajaan British pada mulanya tidak mahu membuat sekolah. Kerajaan British telah memberitahu rakyat jikalau mereka mahu bangunan-bangunan sekolah patutlah rakyat sendiri mendirikan bangunan itu. Sekarang beberapa intellectual baru telah timbul. Penyakit yang kita terima daripada lama itu mereka katakan hasil ini disebabkan oleh kezaliman yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Ini sangat-sangat tidak bertanggung-jawab sama sekali. Statistik menunjukkan dalam hampir semua department dalam Negeri Sarawak bukan bumiputra yang ramai dan bukan si Melayu yang ramai.

Di Jabatan Kerja Raya (P.W.D.) paling ramai sekali keturunan China, dalam Jabatan Perubatan (Medical) begitu juga dan lain-lain, tetapi bukan salah orang China, mereka lebih ramai, kerana mereka duduk dalam bandar, ada sekolah mission, mereka dapat sekolah lebih dahulu, mereka dapat peluang lebih dahulu, mereka ada wang, anak mereka terpelajar, maka mereka lebih ramai menjadi engineer, doktor dan lain-lain. Jadi, mengungkit-ungkit masaalah ini seolah-olah Malaysia inilah yang menzalimkan satu-satu golongan rakyat bumiputra adalah tidak adil sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat berharap supaya pihak Pembangkang betul-betul mahu bekerjasama dengan Kerajaan mengambil tindakan mengubah nasib bumiputra itu. Peluang-peluang tetap terbuka dan tetap diberi oleh Kerajaan. Salah satu daripada tujuan Yayasan Sarawak ialah untuk membantu anak-anak bumiputra supaya mereka dapat dihantar beramai-ramai ke Semenanjung untuk bersekolah di sini. Ini telah tidak dibuat sebelum Kerajaan Campuran Negeri Sarawak memegang tampuk pentadbiran di sana. Dengan adanya Yayasan Sarawak beratus-ratus orang anak-anak Sarawak kebanyakannya bumiputra dan bukan kebanyakannya daripada bumiputra itu Melayu pula, tidak daripada semua golongan bumiputra dihantar ke sekolah-sekolah di Semenanjung supaya kemudian hari kelak mereka dapat balik berkhidmat untuk kepentingan Negeri Sarawak.

Selain daripada itu, saya harap dalam menyediakan Anggaran Belanjawan untuk Rancangan Malaysia Ketiga nanti tidaklah hendaknya Kerajaan Pusat memasukkan perbelanjaan untuk mendirikan Universiti Pertanian di Negeri Sarawak itu sebagai perbelanjaan yang khas untuk Sarawak dan demikian dipotong daripada "allocation" untuk negeri itu, kerana Universiti Pertanian yang akan didirikan di Sarawak itu bukan hanya untuk anak-anak Malaysia yang duduk di Sarawak sahaja, sebaliknya Universiti tersebut adalah untuk semua anak-anak Malaysia, baik daripada Semenanjung mahupun daripada Sarawak juga Kerajaan Negeri Sarawak telahpun memberi 250,000 ekar hutan untuk Universiti ini. Ini bukan suatu pemberian yang berharga \$4—\$5 atau \$10 juta sahaja, banyak harganya jikalau dinilai dengan wang ringgit. Lebih-lebih lagi kalau waktu kayu harganya baik. Saya berharap benar-benar kepada pihak berkenaan janganlah memotong daripada "allocation" untuk Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketiga nanti kerana perbelanjaan untuk Universiti Pertanian ini.

Tentang dasar ekonomi kita, dasar perindustrian dan lain-lain, saya rasa kita terlalu sangat terikat kepada sistem "kapitalis barat" yang terlampau sangat didorong oleh "profit motivation" sehingga segala-gala kemajuan itu diukur daripada segi keuntungan semata-mata. Saya rasa kita harus menyesuaikan dasar kita itu dengan falsafah kita sendiri, misalnya, bagi kita orang Islam salah satu daripada yang diperintahkan oleh Junjungan kita supaya memerangi ataupun membendung hawa nafsu kita sendiri "fighting self". Jikalau ideoloji ini dapat kita sibarkan, dapat difahamkan dan dipegangi sebenar-benarnya oleh semua golongan dari atas sehingga ke bawah, kita akan dapat mengurangkan perasaan tamak kepada harta yang berleluas itu, semakin hari semakin kita lihat semakin banyak motokar di jalanraya, ini mungkin difikir baik dipandang sepintas lalu, wah! bukan main rakyat Malaysia mempunyai kereta, tetapi adakah kita tahu berapa orang daripada mereka ini yang menukarkan kereta mereka itu tiga bulan, empat bulan sekali, pinjam wang sini, beli kereta, habis itu "trade in" beli kereta lagi sehingga wang untuk anak isteri, wang untuk anak bersekolah kekurangan. Itu semuanya timbul daripada hawa nafsu yang tidak dibendongkan oleh manusia itu. Jadi harus

dimasukkan dalam ideologi rancangan pembangunan kita itu suatu falsafah yang dapat sesuai dengan keadaan rakyat kita sendiri di dalam negeri ini. Kemewahan akan menyebabkan kita lupa kepada daratan, lupa kepada tanggungjawab kita kepada rakyat, dan semakin banyak wang yang kita dapat semakin besar lagi hawa nafsu kita, semakin mewah kita, semakin lupa kita kepada apa tujuan kita hidup di dalam dunia ini.

Rukunegara kita memang sudah kita terima semua, tetapi pada amalannya kita belum lagi melaksanakan ini sebenar-benarnya. Saya harap semua kita menyediakan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan bermula dalam tahun 1976 ini perusahaan kita itu janganlah terlalu sangat dikait dengan "profit motivation". Sebaliknya harus ada dasar moral yang kita terima, diterima oleh rakyat Malaysia yang membendung dan mendorong perusahaan kita di seluruh negara ini. Dengan cara ini kita dapat mengurangkan, misalnya, ancaman-ancaman mogok daripada beberapa golongan pegawai-pegawai dan berbagai masalah dikalangan pekerja-pekerja, jikalau mereka sedar bahawa mereka mempunyai tanggungjawab bukan sahaja ke atas kemewahan, kebaikan untuk diri sendiri dan kebajikan diri sendiri, tetapi juga untuk kebajikan rakyat sekalian.

Akhirnya, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang memang telah banyak menunjukkan simpatinya kepada Negeri Sarawak, samada ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran, kemudian menjaga Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, dan sekarang menjadi Menteri Kewangan. Saya harap beliau akan terus memberi perhatian bukan yang istimewa, yang sederhana, kepada Negeri Sarawak lebih-lebih lagi sekarang perkongsian minyak Kerajaan Pusat, Petronas dan Kerajaan Negeri dan kita laksanakan. Saya tidak tahu apa yang akan berlaku di masa-masa yang akan datang akibat daripada inflasi atau stagflasi ini, bagaimanapun kita memang yakin dan percaya bahawa Kerajaan Pusat akan betul-betul mencari jalan untuk mengurangkan dengan seberapa bolehnya akibat-akibat yang buruk yang ditimbulkan oleh keadaan ekonomi seluruh dunia ini. Gembira saya membaca ucapan pihak Pembangkang daripada Kanowit yang berpendirian bahawa keadaan "World Economic" adalah di luar

kuasa kita. Saya harap beliau akan bercakap demikian kepada rakyat Malaysia di Sarawak.

5.18 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, kerana telah membentangkan Belanjawan bagi tahun 1975 dengan baik pada pandangan kita.

Pada hari ini, saya bersama untuk membahar dan membincangkan mengenai perbelanjaan sebanyak \$2,406,598,777 dalam perkara Pembangunan di dalam buku Belanjawan Persekutuan, 1975 ini. Dalam beberapa perkara inilah saya menarik perhatian Dewan ini mengenai peruntukan Pembangunan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebanyak \$4,013,465.

Saya rasa peruntukan ini tidak realistik. Jika kita renungkan keadaan jumlah belia-belia kita yang semakin hari semakin bertambah ramai yang hendak dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ini tidak terkira lagi pada awal tahun 1975, jumlah belia-belia yang keluar sekolah. Jadi kalau diambil dari segi kadar peratus sebanyak \$4 juta dan mengikut jumlah sebanyak 400,000 orang belia dalam negara di bawah kelolaan Kementerian ini, diambil sebanyak \$10 tiap-tiap seorang dalam jangka satu tahun. Kadar ini kalau dipandang pada mata kasar peruntukan sebanyak ini sangatlah tidak menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa peranan belia pada masa ini amatlah penting sebab mereka ini akan menjadi dewasa dan mereka juga yang akan menggantikan tempat kita pada masa yang akan datang. Maknanya masa hadapan negara kita bergantunglah sejauh manakah kekuatan belia kita yang ada pada hari ini. Oleh sebab itulah belanjawan yang saya tengok sebanyak \$4 juta ini, pada fikiran saya sangat tidak mencukupi kerana Kementerian ini bertanggungjawab bukan sahaja kepada belia, bahkan kepada sukan dan kebudayaan.

Tiga-tiga perkara ini amat penting di dalam keadaan negara kita. Ditengok pada peruntukan di sini—dalam Semenanjung Malaysia kalau dibandingkan dengan tahun

1974 sebanyak \$4.28 juta, tahun 1975 peruntukan sebanyak \$3.58 juta. Di Sarawak lebih sedih lagi, tahun 1974 ada \$222,990, tahun 1975 peruntukan sebanyak \$10. Kemudian di Sabah sebanyak \$430,000. Jadi pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, jumlah kalau dibandingkan dengan peruntukan anggaran tahun 1974 sebanyak \$4.5 juta, pada tahun ini nampaknya lebih berkurangan hampir-hampir $\frac{1}{2}$ juta iaitu \$4,013 yang saya sebutkan tadi.

Masalah belia kita tahu semakin hari semakin bertambah rumit. Jadi kalau dalam bidang pembangunan, kalau peruntukan ini saya tengok kebanyakannya ialah masalah sukan, ada serba sedikit, kemudian mengadakan Pusat Latihan Dusun Tua dan Pertak, cuma dua buah sahaja itu tidak mencukupi. Kemudian Pusat-pusat Pelbagaiguna Negeri, sebanyak \$743,000 dan yang besarnya sekali di sini ialah membaiki Stadium Merdeka sebanyak \$1.1 juta. Kemudian Komplek Kebudayaan Kebangsaan sebanyak \$467,750. Tidak ada disebutkan di sini peruntukan bagi menolong belia-belie di peringkat negeri supaya dapat disalurkan bagi kegunaan belia-belie di luar-luar bandar. Saya merasa sedih sama ada Menteri yang berkenaan betul-betul berminat atau mengambil berat masalah pembangunan belia dalam negara kita pada hari ini. Eloklah kita berterusterang di dalam Dewan yang mulia ini, sebab tanggungjawab masalah belia ini adalah tanggungjawab bersama. Sebab saya mengambil berat ini, saya menganggap penuntut-penuntut MARA ialah segolongan belia-belie juga. Kita cuma ada membuat sedikit teguran baru-baru ini mengenai masalah peruntukan I.T.M. saya menerima surat cabaran dengan kata-kata yang bukan-bukan mencabar Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya membaca sedikit surat ini.

Surat daripada Kesatuan Siswa MARA, mengatakan kita menegur di dalam Dewan yang mulia ini mengenai masalah disiplin. Dia pula mengatakan:

“Bagaimanakah pula dengan disiplin golongan-golongan yang bergelar Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bergelumang dengan rasuah, arak, perempuan dan sebagainya.”

Jadi masalah ini cuba kita fikirkan sedikit, mereka itu masih di dalam bangku sekolah, masih menjadi pelajar, belum tahu masa

hadapan mereka, tidak boleh ditegor sedikit-pun, seolah-olah mereka sudah cukup perfect, sudah cukup lengkap dengan keadaan mereka sebagai seorang penuntut seperti “Katak di bawah tempurong”.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah berkaitan juga dengan pengajaran-pengajaran ataupun asuhan-asuhan yang dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Selain daripada itu, inginlah saya menarik perhatian Dewan ini, saya minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ini mengambil berat ataupun memandang lebih serious lagi mengenai latihan-latihan yang dijalankan oleh pusat-pusat belia yang ada pada hari ini. Banyak anggapan atau pandangan orang-ramai latihan-latihan yang dijalankan itu seolah-olah seperti melepaskan batuk di tangga. Tidak ada satu sistem yang mana latihan itu boleh menjadi produktif, dan latihan itu dianggap sebagai satu alat penapis boleh mencongkil kebolehan belia-belie kita yang dibawa daripada luar bandar ke pusat-pusat latihan tersebut. Kerana perkara ini saya percaya hendaklah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan satu penyelarasan ataupun kerjasama dengan Badan-badan Berkanun yang ada di dalam negara kita. Mengenai pengambilan pekerja-pekerja yang telah terlatih di dalam bidang yang tertentu misalnya, pada hari ini kita ada UDA, kita ada S.E.D.C. pada tiap-tiap negeri, kita tahu misalnya UDA dalam bidang pembangunan, banyak menjalankan projek-projek yang besar-besar secara projek bersama joint venture dengan syarikat-syarikat swasta yang lain-lain, dan apabila menjalankan projek-projek ini tentulah berkehendakkan pekerja-pekerja yang terlatih. Apakah salahnya kalau adakan hubungan antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan pihak UDA setahun atau 6 bulan sebelum projek itu diusahakan, perkara ini dirundingkan masalah berapa ramai pekerja yang dikehendaki oleh projek itu. Misalnya, berkehendakkan orang yang membancuh simin, menampal pelaster simin, ini semua kalau betul-betul disusun oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui pusat latihannya boleh melatih pekerja-pekerja yang dikehendaki oleh pihak swasta tadi.

Itu sebagai satu contoh. Itulah yang saya maknakan latihan produktif, sekurang-kurangnya belia-belie yang keluar daripada

pusat latihan itu telah dijamin mendapat pekerjaan dengan serta-merta selepas daripada projek itu selesai bolehlah mereka itu berikhtiar, setelah ada pengalaman tentulah boleh mereka itu diambil bekerja di tempat lain dengan senangnya. Itu sebagai satu contoh kalau ada penyelarasan, begitu juga kepada peringkat SEDC di tiap-tiap negeri.

Satu perkara lagi, oleh sebab sekarang ini Kerajaan menggalakkan kita menanam bahan-bahan makanan dan sebagainya hendaklah menjadi satu tugas ataupun tanggungjawab kepada Kementerian ini juga bekerjasama dengan Kementerian Pertanian mengadakan kompleks latihan belia dalam bidang pertanian. Tanah dalam negara kita ini banyak. Sebab kita tahu belia-belia kita ini mereka yang ramai masuk ke pusat-pusat ini ialah kerana mereka tidak lulus, mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang tinggi. Kita tahu apabila seseorang itu gagal ataupun tidak lulus di dalam sesuatu peperiksaan bukanlah maknanya mereka itu bodoh. Boleh jadi dalam bidang pertanian, dalam bidang pertukangan dan sebagainya kalau diberi peluang mereka boleh juga meningkatkan pelajarannya yang dikatakan vocational training. Dengan sebab itulah Kementerian ini saya minta sangat mengadakan kemudahan-kemudahan tempat belia-belia ini berlatih dan latihan-latihan itu hendaklah berbentuk latihan produktif.

Selain daripada itu juga satu perkara lagi yang menimbulkan masalah ialah belia-belia kita yang berhijrah daripada kampung ataupun daripada luar-luar bandar datang ke pekan—yang timbul masalah tempat tinggal, rumah di mana mereka tinggal. Kebanyakannya kita tahu oleh sebab mereka itu datang-mana yang ada saudara-mara dapatlah duduk di rumah yang sempurna—tetapi yang lain-lain itu kerana mereka itu datang dengan keadaan poket yang kosong susah hendak pergi kerja, mereka selalu menumpang di kawasan-kawasan setingan ataupun di kawasan yang tidak berapa sihat keadaannya. Tuan Yang di-Pertua, cuba kita fikirkan apakah impression yang pertama mereka fikir terhadap negara kita ataupun terhadap pemerintah dalam negeri kita ini. Mereka keluar daripada kampung datang ke pekan duduk dalam keadaan begitu. Kalau naik kemarahan kepada belia-belia ini kerana tidak ada tempat tinggal yang sempurna, mereka senang dipengaruhi oleh anasir-anasir yang merbahaya kepada

kita kelak. Dengan sebab itulah saya katakan peruntukan ini tidak mencukupi; hendaklah ditambah lagi sekurang-kurangnya Kementerian ini berpeluang mengadakan kompleks perumahan, memberi peluang kepada belia-belia tempat tinggal mereka yang sempurna apabila mereka datang menjelajah ke dalam bandar.

Perkara yang kedua, yang hendak saya sentuh ialah mengenai sukan. Semua orang percaya keadaan sukan dalam negara kita makin setahun bertambah malap. Semua pertandingan-pertandingan yang kita pergi ke luar negeri tidak ada satupun yang dapat medal. Dahulu ada jugalah kita dengan sedikit-sedikit. Ini telah nyata kerana kita tengok kemudahan-kemudahan tempat orang kita ataupun yang berminat dalam sukan hendak berlatih tidak ada langsung mahu pun di peringkat persekolahan. Kadang-kadang sekolah itu mempunyai tanah yang sempit, tidak ada padang, Tuan Yang di-Pertua, dan juga kalau di pekan-pekan hendak main bola pun susah dan dewan-dewan serbaguna pun tidak ada dapat digunakan untuk permainan-permainan di dalam rumah dan sebagainya, dan ini juga menjadi tanggungjawab Kementerian ini mengenai pembangunan sukan dalam negara kita. Peranan sukan amat penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana negara kita ini mempunyai berbilang bangsa. Melalui sukanlah dapat kita menyatupadukan rakyat di dalam negara kita yang berbilang bangsa ini dan sukan juga ada kaitannya mengenai imej negara kita di luar negeri. Dengan itu inginlah saya minta pihak Kementerian mengambil berat mengadakan kemudahan-kemudahan untuk sukan supaya dapat kita mencongkil kebolehan-kebolehan yang terkorok mengenai sukan daripada belia-belia kita yang berbilang bangsa di dalam negara ini.

Yang ketiga di dalam Kementerian ini, ialah mengenai kebudayaan. Kita tahu kebudayaan memainkan peranan yang penting juga. Kita ingat seperti kata pepatah orang tua-tua kita dahulu, katanya: "Biar mati anak, jangan mati adat". Saya rasa, adat itu termasuklah salah satu daripada kebudayaan tiap-tiap satu bangsa. Timbul juga lagi masalah sejauh manakah Kementerian ini mengambil berat menghidupkan semula kebudayaan yang ada di dalam negara kita secara besar-besaran supaya boleh dapat menarik pelancong ke dalam negara kita dan melalui pelancongan ini boleh mendatangkan

hasil. Bukanlah cara yang kita tengok peringkat kebudayaan yang ada sekarang ini pinjam ke sana ke mari. Pakaian mereka tidak tersusun. Peruntukan tidak ada. Hantar ke luar negeri, nama sahaja di atas Kementerian Belia, tetapi dipinjam daripada badan-badan yang tertentu yang baharu-baharu ini pergi ke Burma, di atas nama Kementerian, tetapi bukannya mereka itu bekerja terus-menerus dengan Kementerian. Ini adalah kenyataan, tak usahlah kita hendak menyorok di balik telunjuk lagi mengenai perkara ini. Itu setakat Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pula saya hendak sentuh sedikit mengenai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kita selalu mendengar apabila Kerajaan kita hendak menentang penjahat-penjahat ini berbagai-bagai operasi timbul. Kadang-kadang RASCOM, Operasi Sri Aman dan sebagainya dengan tujuan asas yang baik iaitu dengan tujuan hendak memikat hati orang-orang yang telah menyeleweng supaya sedar dan menyokong Kerajaan balik. Tentu-lah dalam operasi-operasi ini, banyak mengeluarkan perbelanjaan, perbelanjaan daripada negara kita. Oleh itu inginlah saya hendak tahu daripada Menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab tentang Kementerian ini, sejauh manakah hasil-hasil operasi ini terlaksana dan apakah nilainya untuk negara kita.

Yang kedua, ada juga bersangkut-paut dengan operasi ini di dalam Kementerian ini juga mengenai peruntukan Jabatan Orang Asli. Kita tahu orang-orang asli mereka duduk jauh di pedalaman. Mereka tinggal tidak adapun hubungan yang rapat dengan masyarakat di luar bandar, dengan masyarakat di dalam bandar jauh sekali. Saya kerap kali bercampur dengan mereka. Mereka selalu mengatakan berhasrat hendak identify masyarakat mereka itu supaya dikenali oleh masyarakat-masyarakat lain yang ada di dalam Malaysia ini. Mereka suka didampingi terutama sekali oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Tetapi apa yang saya lihat daripada peruntukan Jabatan Orang Asli ini—Kepala Pembangunan 39, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sekali lagi saya sedih kalau dibandingkan dengan peruntukan pada tahun 1974 sebanyak \$1.6 juta, tahun 1975 Anggaran Pembangunan Cara Langsung sebanyak \$1.3 juta—bertambah kurang lagi. Hal Ehwal

masaalah kita hendak mengatasi supaya mereka ini tidak dengan mudah di pengaruhi oleh pengzanas ataupun penjahat-penjahat perbelanjaan untuk Jabatan ini bertambah kurang, dan di sini saya tengok jumlah semuanya termasuklah Cara Langsung \$1.4 juta bagi tahun 1975 dan bagi tahun 1974 \$1.7 juta. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat tidak puas hati di atas peruntukan ini, kerana Orang-orang Asli ini memainkan peranan yang penting dalam masaalah kita menghadapi cabaran penjahat-penjahat. Mereka ini cuba kita fikirkan kalau tidak dipedulikan. Kalau pegawai-pegawai tidak mempunyai kemudahan untuk mendamping dengan mereka, kalau Jabatan ini miskin; elauannya yang saya tengok diberi untuk kenderaan sedikit sahaja dalam masaalah pengurusan, tidak ada berdampingan mereka terbiar dan mereka boleh jadi akan berkahwin dengan penjahat-penjahat.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahulah apabila mereka telah berkahwin tentu ada pertalian darah dan kita tahu seperti kata pepatah dalam bahasa Ingeris: blood is thicker than water. Perhubungan darah itu akan menguatkan kepercayaan mereka terhadap ideoloji kominis. Maka sebab itulah saya meminta Kementerian ini mengambil berat masaalah Jabatan Orang-orang Asli.

Dalam Kementerian ini juga, inginlah saya bawa sedikit masaalah Polis, pegawai dan kakitangan Polis yang ada di dalam negara kita. Kita tahu mereka ini memainkan peranan yang penting bagi menstabilkan keamanan dalam negara kita. Tetapi baru-baru ini kita sebok kedengaran, baca dalam suratkhbar iaitu kita sering kali terbaca, pegawai-pegawai polis dibawa ke Mahkamah kerana rasuah. Tentulah, kalau kita fikirkan itu kesalahan tiap-tiap seorang itu. Tetapi, adakah pernah kita sama-sama berfikir, kenapa rasuah ini menjadi-jadi pada masa sekarang dikalangan pegawai-pegawai polis dan tidak pada masa-masa yang lepas? Apakah kekurangan, apakah sebab-sebab yang mendorong mereka ini menjadi demikian, adakah kita kaji daripada pangkalnya betul-betul.

Saya sempat juga menemui pegawai-pegawai polis yang saya kenal daripada peringkat bawah dan atasan saya minta pandangan mereka yang sehat, bercakap dari hati ke hati. Tidak lain dan tidak bukan ialah masaalah pendapatan ataupun gaji.

Kita ambil sebagai suatu contoh Laporan Gaji Suffian. Pada mata kasar nampak gaji pendapatan mereka tinggi kalau diambil dari segi keseluruhannya. Sebagai A.S.P. dapat sekarang ini \$1,300 dahulu maximum sampai \$1,500. Daripada \$1,300 itu juga untuk hendak membayar rumah dan untuk hendak membayar serba-serbi. Dan seorang yang berpangkat Division I orangramai mengharapkan berbagai-bagai peranan daripada mereka.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan sebab itu mereka terpaksa hidup mempunyai satu status supaya sesuai dengan harapan dan kedudukan, tetapi desakan hidup, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau mereka itu mempunyai kemudahan dapat quarters (rumah) cuma dipotong 10%—kalau daripada \$1,300 tadi dipotong \$130, tetapi kalau tidak dapat quarters di mana mereka hendak tinggal terutama sekali pada zaman sekarang ini, bolehkah mereka tinggal di rumah yang sewanya \$80 sebagai A.S.P.—tidak boleh, hendak jaga nama sebab tiga crowns. Kena cari rumah yang berharga \$350-\$400 sebulan. Apa yang tinggal lagi untuk beri makan anak dan selain daripada itu pula ada social, hendak juga difikirkan ataupun hendak menolong saudara-mara yang duduk jauh-jauh. Maklumlah saudara menjadi A.S.P. Division I banyak gajinya, hendak minta juga bantuan dan sebagainya. Maka dengan sebab itu, di dalam peruntukan mengenai polis ini saya tengok, tidak juga seimbang dengan keadaan yang ada pada hari ini iaitu tidak banyak mengadakan peruntukan pembinaan quarters untuk rumah-rumah kediaman pegawai-pegawai polis, maka dengan sebab itulah saya merayu dan saya meminta Kementerian ini mengambil berat mengadakan quarters kepada pegawai-pegawai Kerajaan khususnya kepada pegawai-pegawai polis. Kita tahu orangramai dalam bahasa Inggeris kata: the public is expecting too much from the police—ada ketikanya.

Kita tahu dan kita sedar, apa sahaja yang berlaku di dalam negara ini, di dalam bandar kita kadang-kadang, sedap-sedap duduk dalam motokar, hujan, ribut, kita tengok pegawai-pegawai polis itu sebok menjaga lalulintas. Kalau ada peraduan, polis jugalah, kalau ada budak-budak mengamok, polis

juga yang tidak tidur siang dan malam. Maka dengan sebab inilah, saya minta Kementerian ini mengambil berat sedikit masaalah kebajikan polis kita daripada peringkat bawah sehingga kepada peringkat atasan.

Tuan Yang di-Pertua, masaalah polis ini juga pada ketikanya kita membaca surat khabar diberi mereka surat kepujian. Ada saya tengok seorang pegawai itu surat kepujiannya itu sudah tebal dekat 2 inci, tetapi tidak memberi makna kepadanya—kertas biasa. Mula-mula apabila hendak menerima itu terasalah megah, sudah bawa balik ke rumah, habislah sebagai surat kepujian. Dengan itu, ingin saya meminta pada Kementerian dan pada Menteri yang berkenaan memikirkan sebab sekarang ini dunia kebendaan, dengan puji-puji mulut ini sudah tidak ada berkesan lagi. Memikirkan sesuatu incentive supaya segala jasa-jasa yang diusahakan oleh pihak pegawai-pegawai polis dan kakitangan polis itu dibalas dengan satu cara yang boleh memberi nikmat bukan sahaja kepada badan pegawai itu bahkan kepada keluarganya. Saya percaya dengan cara ini juga bolehlah kita mendapat pegawai-pegawai yang bermutu, dan dengan ini juga oleh kerana kita menghadapi zaman inflasi ini polis ini juga terlibat. Jadi apalah salahnya dihidupkan balik, kalau tidak mereka itu mendapat rumah (quarters) hidupkan balik Elaun Perumahan yang telah diberi kepada mereka kemudian dipotong balik setelah Laporan Gaji Suffian dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menyentuh di dalam Kementerian ini iaitu badan-badan kerjasama kelolaan simpanan daripada anggota-anggota polis yang dikatakan Syarikat Kerjasama. Kita tahu syarikat ini juga bertanggungjawab untuk memberi kemudahan perumahan ataupun pinjaman kepada ahli-ahlinya dan juga kepada anggota-anggota polis. Inginlah saya meminta atau merayu kepada sesiapa juga yang bertanggungjawab mengelolakan syarikat ini, iaitu simpanan yang dibuat untuk syarikat ini adalah daripada titek peluh mereka yang bekerja mengadaikan nyawa. Dengan itu sesuatu rancangan yang hendak dibuat daripada syarikat ini hendaklah diusahakan dengan sempurnanya. Saya memberi cadangan ini misalnya hendak mengadakan perumahan kepada ahli-ahli syarikat ini sebab syarikat ini mempunyai wang yang banyak tidak payah syarikat ini membeli rumah-rumah itu melalui badan pemaju

swasta, syarikat ini menjadi pemajunya supaya harga rumah itu menjadi terkawal, supaya keuntungan di atas pembinaan rumah itu dapat dineikmati oleh ahli-ahlinya.

Pada akhirnya, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan ini ada bersangkutan paut dengan masaalah Undang-undang Kastam menahan lori-lori. Ini ada berlaku di mana bulan yang lalu kita dengar sebok pegawai-pegawai kastam menangkap lori ataupun kereta yang diassemble secara keluar garisan (illegal assembly). Ini ada terlibat beberapa syarikat bumiputra yang tidak tahu hujung pangkal, apabila membeli lori ini dahulu telah diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan maka dibelilah lori daripada satu badan swasta, tetapi tidak mengetahui yang badan swasta itu mengimpot lori ini secara haram, tidak tahu. Bukan salah peniaga-peniaga yang membelinya. Apabila pihak Kastam mendapat tahu perkara itu, lori-lori ini pun ditangkap dan ditahan sampailah sekarang sudah hampir enam bulan. Tetapi siapa yang hendak disalahkan. Adakah pembeli lori itu. Jadi di sini, saya mintalah Kementerian Kewangan iaitu Menteri yang berkenaan selesaikanlah perkara ini dengan sertamerta, kerana yang menderitalah peniaga-peniaga yang tidak bersalah. Adakah kita hendak menunggu sampai lori itu sudah berkarat besok disimpan dalam setor kemudian baru diserahkan balik kepada peniaga-peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian-kementerian yang lain itu akan saya cakapkan pada minggu hadapan.

5.54 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidakkah boleh cuba sedikit dalam Bahasa Malaysia? Cuba, bila ada tersalah, boleh dibetulkan.

Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah cuba, tetapi susah bercakap.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, under the New Economic Policy, education and training will continue to be a major avenue to provide the skilled manpower for the

nation's development. They are vital for the achievement of the objectives of increasing productive employment opportunities and of restructuring society. As the country gears its education and training programmes to the requirements of a modern technological society, the Government should focus its attention on the development of middle level manpower—I repeat, the Government should focus its attention on the development of middle level manpower. Rapid progress has been made to increase the supply of professional manpower. Enrolments in science and technical courses in our universities have expanded tremendously. The impact of these programmes are already being felt now. In several fields graduates had to wait for several months or more before they are finally absorbed into the public or private sectors. In other words, the demands for graduates are decreasing significantly and, in fact, in some fields the university graduate employment is reaching saturation point.

Tuan Yang di-Pertua, with respect to this middle level manpower, where shortages are serious in relation to its requirement, I would request that more polytechnics and such sub-professional tertiary institutions be stepped up rapidly for the school-leavers who are less academically inclined but who are gifted for technical training. In 1974, only 10% of students who applied to enter the Ungku Omar Polytechnic in Ipoh found places, i.e. of the 7,000 who applied, only 700 were admitted. In the same year our five universities enrolled a total of 6,075 new students. It has been rightly stated by a renowned authority in our Malaysian educational arena that for every university in our country, there should be an equivalent of four to five polytechnics, that is, we need 20 such polytechnics in our country, and that correspondingly there should be of the order of 20,000 vacancies in the polytechnics for new students in the current year.

Tuan Yang di-Pertua, though it is heartening to note that next year the new Kuantan Polytechnic will have its first 500 students, that is far from satisfactory in meeting the requirements of the present need of sub-professionals in our country. I propose that in addition to the present two polytechnics, the Government should establish more polytechnics and the next one should be appropriately situated in the State of Johore, since we have one in the North in Ipoh, and

the other one in the East Coast in Kuantan. The reasons for proposing the third polytechnic in Johore, that is South Malaysia, are self-explanatory. It will be for the benefit and convenience of the large numbers of intending students in Johore, thus relieving them of the heavy burden of having to travel long distances. Many technically skilled sub-professionals will be needed soon in the State of Johore with the opening of the Johor Tenggara Scheme and other heavy industrialisation programmes that are going on in the various parts of the State.

Tuan Yang di-Pertua, may I suggest further that the polytechnic be sited in the Parliamentary area of Ayer Hitam which is located centrally in the State of Johore and it is on the cross roads between the major towns in that State. Presently, the Colleges of Agriculture and Veterinary Science are situated in the Constituency of Ayer Hitam and with the addition of a polytechnic in the area, it will go a long way to develop Johore into a centre of sub-professional training as opposed to Kuala Lumpur which is reputedly the centre of higher learning.

Tuan Yang di-Pertua, the population of Malaysia is estimated at 11.6 million presently after growing by 2.7% *per annum* during the period of 1970 to 1975. The net annual population growth rate in the developed countries is 1% while the rate for most developing countries is 2.5%. Now, if the present trend continues, the Malaysian population is estimated to more than double itself in the next three decades. The population is expected to increase from 10.8 million in 1970 to 22.1 million in the year 2,000. This is from the study by the Economic Commission for Asia and the Far East—in short, E.C.A.F.E.

Now, the rapid population growth, if unchecked, would have serious repercussions on the income distribution, employment, education and health services and also on investment. Now, we must keep our population small so that every child can be better fed, housed, clothed and trained. The creation of productive employment opportunities as well as the expansion of the supply of skilled manpower are important elements in the Second and subsequent Malaysia Plans to eradicate poverty and to correct racial economic imbalance.

Tuan Yang di-Pertua, our population policy should be integrated with our overall economic policies. In striving for employment creation, Malaysia must overcome the problems posed by the exceptionally rapid population growth. During the period of the Second Malaysia Plan and several years beyond, the number of job seekers will be rising rapidly. The Family Planning Programme launched under the First Malaysia Plan would not even begin to have an impact on labour force growth until some time in the late 1980s. A reduction in the birth rate, which stood at 152.9 per thousand in 1971—this measures the number of birth per thousand women in the child-bearing ages between 15 to 45—in the long run will reduce the growth in labour supply. But there is expected to be no noticeable reduction in labour growth rate for at least the next 18 years, i.e., until the age group affected by the lower rate begins to enter the labour force.

Tuan Yang di-Pertua, an effective measure to reduce the rapid population growth is to encourage small families, reducing from five to three the number of children for whom income relief will in future be allowed. The existing allowances for children, i.e. the amount which may be deducted from income to be taxed, are as follows:

For the first child	\$ 750
For the second child	500
For the third child	500
For the fourth child	300
For the fifth child	300
Total	<u>\$2,350</u>

Tuan Yang di-Pertua, I would now propose and recommend the following changes in the tax relief for children, i.e.:

For the first child	\$ 850
For the second child	850
For the third child	500
Total	<u>\$2,200</u>

There will be no allowance for subsequent children. This policy is to encourage two but to discourage more than three children in the family. However, parents who already have

more than three children on the date of legislation should continue to be eligible for the present allowances for their children.

Tuan Yang di-Pertua, I would like to take the opportunity again to reiterate what I had already said in the debate on the King's Speech on the 10th November, 1974, that there should be a reform of our outdated abortion laws so as to reduce the number of unwanted children who pose socio-economic hazard to our country.

Tuan Yang di-Pertua, the Government must be praised for the rapid development that is achieved in the tourist industry. However, some attention should be directed to developing its potential fully. Although at present tourism is not a major sector in the Malaysian economy, it is potentially significant in terms of meeting the objectives of development, particularly those of creation of employment. An estimated 1.3 million tourists are expected to visit Malaysia in 1975. This would draw into our country millions of ringgit of foreign currency.

Tuan Yang di-Pertua, I am here today not to put forward my views on the policy on tourism in general, but only to emphasise on the need of Government's more active participation to develop more tourist sites and facilities along the highways for regional as well as domestic tourism. Now this is particularly so in Ayer Itam, which is along the cross-roads and along the travel corridor for tourists entering the country by car from Singapore in the south and Thailand in the north. It is also known to many as a "southern gateway" to Peninsular Malaysia. At present Ayer Itam is a shabby, dirty and unattractive village and is really an eye-sore to the thousands of regional and domestic tourists who pass through this town day and night. Now the State Government has drawn up an attractive plan, both economically and aesthetically, for the town centre including stalls, shops and resting sheds thoughtfully designed to reflect the cultures and traditions of our Malaysian nation, which have a peculiar appeal to foreign tourists, thus reshaping Ayer Itam into a new landmark—as a short-stop tourist centre.

Tuan Yang di-Pertua, as the people in the Ayer Itam area are mainly dependent for their income on rubber, they are badly hit by the current low price of rubber and this

proposed project would, to a great extent, help to diversify their business and employment potentials. For instance, the rural folks will find an outlet market for their handicrafts, local fruits and Malaysian delicacy, which would greatly enhance their already dwindling income.

Tuan Yang di-Pertua, lastly, I earnestly request the Government to view this with urgency and provide a sizeable allocation for this project.

6.08 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, Honourable Members from both sides of this House, especially from the Opposition, have expressed their specific views on the economic aspects of the Budget speech delivered by the Honourable Minister of Finance on the 12th November, 1974.

I would like only to take the opportunity to stress the issues that need emphasis, perhaps maybe in more detail, but nevertheless I and my colleagues hope that the Government will seriously consider in the implementation and revision of its fiscal policies to introduce whatever measures are necessary to curb price increases due to inflation in our country today.

Mr Speaker, Sir, we must share our benefits and also our sacrifices equally if we are to achieve a common Malaysian identity where every Malaysian will be proud of being a Malaysian and proud of the fact that he has made sacrifices to reach understanding with one another in this country and to achieve the targets of Malaysia that we want.

Mr Speaker, Sir, at the moment we have our ambitious Second Malaysia Plan. If this Plan could be carried out by bringing its lights towards the whole of the Malaysian screen, irrespective of race, political affiliations, creed and standard of life, then we probably can face the hard times ahead; but if we subscribe to the Barisan Nasional policy of "divide and rule", which they themselves have already condemned since the birth of the Malaysian nation, then the Second Malaysia Plan, together with the plans incorporated in the Budget speech of the Honourable Minister of Finance, would not achieve their desired objectives.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya menyentuh mengenai pinjaman wang kepada peniaga-peniaga bumiputra khususnya kaum peniaga bumiputra di Sarawak. Perkara ini memang diketahui ramai bahawa modal adalah satu perkara yang susah didapati oleh bumiputra yang ingin memasuki perdagangan atau perniagaan.

Tidak berapa lama dahulu Kerajaan telah melancarkan satu sekim khas untuk memperuntukkan wang kepada kaum peniaga bumiputra iaitu Credit Guarantee Corporation Scheme. Di bawah sekim itu, saya berpendapat bahawa peniaga-peniaga bumiputra dapat mengambil pinjaman daripada commercial banks sebanyak \$30,000 sahaja tanpa security. Segala projek-projek yang akan dilancarkan oleh peniaga itu telah disiasat dan telah didapati boleh dijalankan oleh bumiputra di Sarawak iaitu Dayak dan Melayu mereka berasa senang hati dan sukacita kerana sudah diberi peluang untuk menjalankan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya kepada pihak yang berkuasa dan berkenaan mengenai sekim ini bahawa berapa banyakkah peniaga-peniaga bumiputra yang telah diberi pinjaman di bawah sekim tersebut? Saya mohon pecahan angka-angkanya (break down figures) di Sarawak iaitu berapa bilangan kaum Dayak dan Melayu dan jumlah yang telah diberi kepada mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan bahawa kemudahan-kemudahan begitu iaitu pinjaman wang kepada peniaga bumiputra adalah sudah menjadi satu perkara yang lama dibincangkan oleh masyarakat bumiputra yang ingin memasuki dalam bidang perniagaan ataupun perdagangan. Ini adalah merupakan satu tambahan kepada apa yang sudah diberi iaitu kemudahan-kemudahan yang diberi oleh MARA, syarikat permodalan negeri masing-masing dan sebagainya untuk menolong bumiputra. Permodalan kepada bumiputra sampai kini masih juga menjadi satu soalan, kerana mengikut perkataan saya tadi bumiputra tidak mempunyai modal, tidak mempunyai tanah untuk menjadi security bagi meminjam wang iaitu di Sarawak kebanyakan tanah dipunyai oleh bumiputra di bawah Undang-undang Adat Istiadat (Customary Law) dan tidak dapat

menjadi security sekiranya seorang bumiputra yang mempunyai tanah itu hendak meminjam wang.

Saya memohon juga kepada Kerajaan Barisan Nasional supaya mengkaji semula perkara ini dengan telitinya supaya kemudahan-kemudahan pinjaman wang akan dapat diberi kepada bumiputra dengan tidak memilih pada parti politik (political affiliations) dan keturunan atau sesiapa yang memohon pinjaman wang itu akan diberinya mengikut dari segi kegiatan mereka menjalankan perniagaan dan perdagangan dan bahawa projek-projek mereka itu akan memberi keuntungan. Oleh yang demikian, saya mohon bahawa pinjaman ini diberi kepada semua bumiputra tidak mengira parti politik.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan mengatakan bahawa pihak yang berkuasa telah memilih dalam perkara ini, tetapi saya ingin melihat bahawa di masa akan datang politik tidak harus menjadi satu criteria untuk memberi pinjaman-pinjaman wang.

Perkara yang kedua, berkenaan dengan murid-murid di sekolah rendah di luar bandar. Ramai murid-murid terpaksa berjalan kaki tiap-tiap pagi dan petang untuk pergi ke sekolah. Sekolah mereka jauh dari kampung dan jalanraya di tempat masing-masing tidak begitu baik, maka ramai murid-murid sekolah tidak dapat hadir tiap-tiap hari. Ramai juga bilangan mereka yang selalu sakit dan tidak dapat menghadirkan diri ke sekolah. Perkara ini adalah satu daripada masalah yang dihadapi oleh rakyat Malaysia di Sarawak yang tinggal di hulu dan di kampung yang jauh daripada bandar yang mana ada kemudahan-kemudahan klinik dan jalanraya yang tidak baik. Saya telah memohon pada kali yang pertama saya dipilih dalam Dewan yang mulia ini dan rakan saya di Majlis Undang Negeri telah memohon juga. Pihak Kerajaan patut membuat sebatang jalanraya daripada Batu Lintang ke Ulu Undop panjangnya 8 batu. Jalanraya ini kalau dibuat oleh Kerajaan akan memberi kemudahan kepada banyak kampung yang dilintasi oleh jalanraya tersebut dan akan memberi kemudahan kepada murid-murid sekolah yang berdekatan dengan jalanraya ini. Sebab jalanraya di Negeri Sarawak masih tidak begitu baik keseluruhannya, kecuali jalanraya yang berdekatan dengan bandar, saya mohon di sini kepada Kerajaan supaya mengkaji semula

mengenai tambahan cukai jalanraya yang akan sama dilancarkan di Sarawak. Untuk menyamakan taraf cukai jalanraya antara Semenanjung dan Sarawak, Kerajaan sebelum itu patut mengambil perhatian dalam keadaan yang buruk yang dihadapi oleh orang yang mempunyai kereta di Negeri Sarawak, kerana jalanraya di sana tidak begitu baik. Oleh sebab jalanraya tidak begitu baik, perbelanjaan bagi orang yang mempunyai kereta adalah besar daripada di Semenanjung. Di Semenanjung ini saya sudah lihat bahawa jalanraya memang baik kalau dibandingkan dengan jalanraya di Negeri Sarawak. Di Sarawak sebanyak-banyaknya boleh mendapat hingga 25% sahaja dari segi taraf mutu jalanraya. Oleh sebab itu, Kerajaan haruslah mengambil balik tambahan cukai jalanraya di Sarawak.

Di Bahagian Kedua Sarawak pada keseluruhannya peruntukan belanja untuk membina jalanraya tidak mencukupi. Saya mohon kepada Kerajaan Barisan Nasional khususnya Kerajaan Negeri di Sarawak supaya jangan lupa kepada penduduk-penduduk di kawasan Bahagian Kedua dan di kawasan luar bandar di seluruh Sarawak iaitu rancangan pembangunan mestilah ditambahkan pada sesiapa dan mana pihak pun mengikut kehendak mereka.

Sekarang saya beralih kepada perkara yang ketiga, iaitu rumah-rumah murah di Sarawak. Rumah murah sudah menjadi satu antara perjanjian Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri pada rakyat Malaysia seluruhnya dan di Sarawak khususnya. Mula-mulanya Kerajaan Negeri telah melancarkan satu sekim rumah murah di Kenyalang Park, Kuching dan satu lagi di Piasau di Bahagian Keempat Sarawak. Kini kedua-dua rancangan rumah murah tersebut telah diselesaikan dan kini negara kita menghadapi inflasi dan stagflasi yang bererti sekarang wang sudah tidak mencukupi dan harga barang pun sudah meningkat naik dan Kerajaan nampaknya sudah mendiamkan diri dalam perkara tersebut.

Rumah murah di Negeri Sarawak dapat dibina bukan sahaja di tempat yang berdekatan dengan bandar, tetapi di kampung-kampung yang jauh melalui cara gotong-royong. Penduduk-penduduk rumah panjang di kawasan yang jauh daripada bandar sekarang kebanyakannya dalam

keadaan yang buruk dan bertempat di kawasan yang tidak mempunyai atau jauh daripada kemudahan-kemudahan seperti taliair, kemudahan perubatan (medical facilities) dan sebagainya. Daripada sebuah rumah panjang ke rumah panjang yang lain seseorang akan berjalan mengambil masa sekurang-kurangnya 3 jam untuk mendapat rawatan perubatan dan untuk membeli bekalan daripada kedai. Kalau Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat betul-betul mahu melancarkan sekim rumah ini Kerajaan patut mengambil faktor-faktor yang sesuai iaitu kebanyakan rumah panjang yang tidak begitu besar dan jauh daripada satu-satu kawasan maka penduduk di situ patut dipindahkan kepada satu kawasan yang mana Kerajaan dapat memberikan kemudahan-kemudahan seperti yang saya sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris, boleh dikatakan economic growth area.

Satu contoh yang Kerajaan sudah melancarkan dari segi yang sama iaitu sekim lada hitam di Nanga Skuan dengan rancangan getah yang telah dilancarkan oleh Lembaga Kemajuan Getah Negeri Sarawak. Saya menyentuh kepada sekim tersebut kerana bila kita fikir akan melancarkan satu sekim perumahan itu, rumah sendiri tidak memberi faedah, kecuali dengan economic aspect of survival iaitu penduduk-penduduk yang tinggal dalam sekim rumah murah tersebut mesti mengadakan satu economic activity untuk mencari kehidupan yang sesuai.

Saya mohon kepada Kerajaan supaya mengkaji dengan serious perkara yang saya sebutkan tadi. Di samping itu juga, tanah di Sarawak adalah luas dan masih berhutan yang tidak dapat memberi faedah ekonomi kepada rakyat dan penduduk-penduduknya. Tambahan pula ada juga masaalah unemployment. Ramai murid-murid yang telah lepas sekolah pulang ke rumah panjang mereka dengan tidak dapat pekerjaan, kecuali menjadi petani yang tidak ber-ekonomi, kerana cara-cara menanam di Sarawak masih mengikut cara yang lama. Kerajaan patutlah mengkaji murid-murid yang sudah bersekolah ini digunakan di bawah sekim subsidi Kerajaan. Sekim-sekim subsidi Kerajaan di Negeri Sarawak adalah untuk menolong petani dan pekebun memang sudah lama diadakan, tetapi belum ada satu rancangan yang betul yang boleh memberi faedah yang nampak di kawasan luar bandar.

Saya mohon supaya Kerajaan melihat samada dapat atau tidak Kerajaan menambahkan subsidi sekim khususnya scheme animal rearing. Dalam pendapat saya tanah yang luas dapat dibuka di Bahagian Kedua dan Pertama untuk melancarkan satu subsidi scheme animal area rearing. Ini dapat menolong mengurangkan masaalah unemployment dan menambahkan daging dan susu di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya menyentuh perkara ini supaya dapat menolong Kerajaan mencapai matalamat untuk mengatasi inflasi dan stagflasi yang sedang dihadapi oleh negara kita sekarang. Negeri Sarawak masih lagi kekurangan industri yang dapat memberi pekerjaan kepada lepasan sekolah. Dengan adanya dua atau tiga industri baru telah didirikan di bandar Kuching dan di Miri tetapi ini tidak akan mencukupi. Untuk menghadapi masaalah kekurangan pekerjaan, Kerajaan patut melancarkan lebih banyak lagi industri yang dapat memberi barang yang digunakan oleh rakyat di Negeri Sarawak seperti baja. Industri-industri patut juga bukan hanya ditempatkan di bandar-bandar tetapi di luar bandar dalam negeri Sarawak supaya penduduk-penduduk di kawasan yang jauh daripada bandar-bandar dapat juga merasai faedah kemerdekaan.

Berkenaan dengan harga getah di Sarawak, ini bukan rumours. Harga getah pada tahun 1974 ini baru 30 sen sekati di luar bandar dibandingkan dengan tahun 1973 di waktu yang sama 60 sen sekati. Jadi harga barang makanan pada masa itu belum meningkat naik tetapi dalam tahun 1974 barang-barang makanan di kedai sudah berapa kali ganda naik. Sebagai contoh, minyak di Sarawak dalam tahun 1973 harga segelen Super atau Regular \$1.75 sen dan dalam tahun 1974 di luar bandar segelen \$3.80 hingga \$4. Pada pendapat saya banyak motor speed ataupun outboard enjin di luar bandar tidak dapat berjalan lagi. Oleh yang demikian rakyat di luar bandar turun ke pekan beralih lagi kepada cara 30 tahun dahulu memakai tangan iaitu berdayung. Saya minta Menteri yang berkenaan supaya menyasiat agar harga minyak di Sarawak dijual dengan berpatutan.

Rakyat di Sarawak ataupun rakyat yang datang dari luar bandar meminta Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sama-sama

mengadakan satu jawatankuasa supaya dapat menyasiat apa yang perlu sekali kepada rakyat yang tinggal dalam bidang ekonomi baru.

Rakyat di Sarawak meminta Kerajaan Malaysia membuat banyak lagi jalanraya (feeder roads) kepada rakyat di luar bandar. Kalau Kerajaan Malaysia tidak membuat semua sekali lima enam batu dalam setahun, Kerajaan Malaysia mestilah membuat satu batu dalam setahun. Saya sudah berasa malu oleh kerana saya berapa kali sudah mengesyorkan apa-apa yang perlu kepada rakyat di Sarawak tetapi bila Menteri yang berkenaan menjawab ucapan saya di sini, katanya ini adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri dan bila perkara ini dibangkitkan di Dewan Negeri Sarawak, Menteri yang bertanggungjawab mengatakan bahawa itu terpulang kepada Kerajaan Pusat kerana wang perbelanjaan untuk jalanraya kepada Negeri Sarawak memang datang dari Kuala Lumpur. Di sini saya minta perkara seperti ini jangan lagi timbul, kalau Kerajaan Malaysia betul-betul hendak membuat rancangan-rancangan kepada rakyat di luar bandar di Sarawak, Kerajaan mestilah mencepatkan apa-apa rancangan yang perlu yang dikehendaki oleh rakyat.

Satu perkara yang penting sekali kepada orang-orang Iban di luar bandar iaitu makin sehari makin banyak orang-orang Iban masuk ugama Kristian oleh kerana tiap-tiap anak di luar bandar sudah pandai sedikit membaca suratkhbar, jadi ibubapa-ibubapa di luar bandar sudah faham dan bersedia masuk ugama. Di samping itu, saya minta Kerajaan menambahkan capital grant patutlah ditambahkan lebih lagi dari tahun yang sudah kerana lebih banyak gereja di Negeri Sarawak menggunakan wang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tidak berbeza antara penyokong satu parti politik dengan parti politik yang lain. Di Negeri Sarawak memang ada sekarang penduduk-penduduk Malaysia di sana menyokong Parti Kebangsaan. Dahulu pada masa pilihanraya yang sudah ada pihak yang mengatakan bahawa rancangan pembangunan dan projek-projek akan harus tidak diberi kepada kawasan yang dimenangi oleh Parti Kebangsaan Sarawak. Sebagai

loyal Opposition Party in Sarawak yang ada juga menyokong pembangunan negara dan kami dari SNAP memang sanggup bekerjasama dengan Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri di mana bidang ekonomi baru untuk memberi faedah kepada rakyat yang masih lagi ketinggalan. Dari parti kami memang ada suara yang membangkang tetapi Opposition views akan jadi satu batu di mana kita menajamkan parang, kalau tidak ada batu ini parang itu begitu juga lekas menjadi satu alat yang tidak berguna.

6.26 ptg.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar (Panti): Tuan Yang di-Pertua, sekiranya ada yang patut menerima tahniah dalam Dewan ini, maka tidak ada lain orangnya melainkan ialah Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mengemukakan kepada Dewan ini satu Anggaran Belanjawan yang penuh bertimbang rasa, satu Anggaran Belanjawan yang tidak menyakitkan pihak yang berada dan golongan yang tidak berada. Tidak syak lagi bahawa Belanjawan yang telah dikemukakan itu telah dibuat begitu rupa supaya tidak memburukkan lagi keadaan inflasi yang sedang mencekik kehidupan manusia dalam negeri kita dan di dunia seluruhnya sekarang ini dan tidak pula menambah kemerosotan ekonomi.

Pendek kata, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah cuba sedaya-upayanya dalam menyediakan Belanjawan ini berpandukan kepada pepatah Melayu yang mengatakan: "Menarik rambut dalam

teping, rambut jangan putus dan tepung jangan berselerak". Walau bagaimanapun kita sifatkan Belanjawan ini lembut, bertimbang rasa, well-balanced, mild dan sebagainya, tetapi satu perkara yang tak dapat hendak dibuat oleh Anggaran Belanjawan ini ialah dia tidak dapat hendak mengubah keadaan inflasi yang sedang ada sekarang ini dan mengubah kemerosotan ekonomi yang sedang ada. Apa yang dapat—agakny—dibuat oleh Belanjawan yang dikemukakan itu ialah hanya setakat tidak memburukkan lagi keadaan, dan tidak menambah lebih buruk lagi keadaan yang ada dihadapi oleh negara pada masa ini.

Di kalangan buruh-buruh ada yang di-buang kerja kerana kilang atau industri menghadapi kemerosotan dan buruh-buruh yang kena buang kerja ini tidak dapat dibuat penyalutnya dengan Belanjawan yang ada ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat suka menyambung lagi pada hari esok?

Tan Sri Syed Ja'afar Albar: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila sambung ucapan Yang Berhormat pada hari esok.

Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 22hb November, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.